

OBOR BELIA

BUKU 14

BERSEMUKA DENGAN KRISTUS YESUS



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Cheong Pooi Wah

Pooi Wah memperoleh Master of Library & Information Science dari Universiti Malaya dan pernah bekerja sebagai seorang perpustakawan di Bible College of Malaysia, Petaling Jaya serta mengajar beberapa kursus di Jabatan BM.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Ogos 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : Chiang Juat Chin
Artis Ilustrasi : Danny Ong Chi Lai

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Bersemuka Dengan Kristus Yesus

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Jelmaan Allah: Lihatlah Allahmu
10	Sesi 2: Wajah Tuhan
14	Sesi 3: Rabi Radikal
20	Sesi 4: Sahabat Sejati Orang-Orang Berdosa
24	Sesi 5: Hamba Yang Menderita
28	Sesi 6: Tuhan Allah Yang Pengasih
32	Sesi 7: Tetap Berpaut Pada Yesus
38	Sesi 8: Jadilah Murid Kristus

Panduan Pembimbing

45	Sesi 1
49	Sesi 2
55	Sesi 3
61	Sesi 4
67	Sesi 5
72	Sesi 6
75	Sesi 7
80	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman Tuhan

serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.



Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 14: Bersemuka Dengan Kristus Yesus

Mukadimah

“Sesiapa yang bertemu dengan Yesus tidak akan kekal sama.” Itulah yang ditulis oleh Philip Yancey dalam bukunya *Yesus Yang Tidak Pernah Saya Kenali*. Tambahnya lagi, apa yang kita fikir tentang Yesus dan bagaimana kita bertindakbalas akan menentukan haluan hidup kita.

Malangnya, ramai di antara kita membenarkan pengalaman-pengalaman dengan Yesus dan pemahaman kita tentang-Nya menjadi pudar. Oleh sebab itu, kita perlu sering kembali dan mengkaji Berita Baik. Kita perlu mengeratkan hubungan kita dengan Yesus – mempelajari sesuatu yang baru atau mengkaji semula kebenaran-kebenaran tentang Yesus agar kita terus menerus mengizinkan Dia mengubah hidup kita. Inilah kehidupan Kristian yang sepatutnya – diubah supaya semakin menyerupai Kristus sehinggalah kita bersemuka dengan-Nya di akhirat kelak.


Buku ini bertujuan membantu para belia mengenali Yesus sekali lagi, baik dari segi kemanusiaan-Nya mahupun keilahian-Nya. Buku ini diatur supaya para belia akan mengkaji Alkitab dan menemui dengan sendiri, Tuhan yang sebagaimana yang mereka percayai. Melalui penemuan mereka, kemungkinan mereka akan menyedari bahawa Yesus jauh berbeza daripada apa yang mereka anggap dan fikirkan.

Semoga Buku ini menjadi alat yang berkesan agar para belia akan bertembung dengan Yesus secara hebat. Semoga pertembungan ini membawa pengertian mendalam bahawa Allah, dalam Yesus Kristus amat mengasihi mereka. Selaras dengan pengertian ini, semoga mereka akan dicabar sekali lagi baik dalam pemahaman mereka tentang Dia mahupun cara hidup mereka sebagai pengikut-pengikut-Nya.

“Tetapi semua yang tercantum di sini telah dicatat, supaya kamu percaya, bahwa Yesuslah Mesias, Anak Allah, dan supaya kamu oleh imanmu memperoleh hidup dalam nama-Nya.” (Yohanes 20:31)

**Sesi
1**

**Jelmaan Allah:
Lihatlah Allahmu**





Ayat Mas Alkitab

“Kamu tahu bahawa kita sangat dikasihi oleh Yesus Kristus Tuhan kita. Meskipun Dia kaya, Dia menjadikan diri-Nya miskin untuk kebaikan kamu, supaya dengan kemiskinan-Nya itu, kamu menjadi kaya. (2 Korintus 8:9)



Kata-kata Mutiara

Allah, Pencipta segala-galanya, mengenyepikan kemuliaan-Nya, menjadi manusia demi menyatukan kita semula kepada Diri-Nya.



Aktiviti Bersama

Stesen Pemeriksaan

Kita boleh mengenal orang yang kita boleh Nampak, tetapi bagaimana dengan Tuhan yang tidak kelihatan? Ambil beberapa minit untuk berfikir dan tuliskan jawapan anda. Selepas itu, berkongsilah antara satu sama lain penemuan anda.

- ① Apa yang anda takut tentang mengenali seseorang yang baru anda jumpa? (contoh, takut tidak diterima, tidak dihiraukan dsbnya.)
- ② Apa yang membuat anda takut untuk mengenali Tuhan dengan lebih intim lagi?



Renungan Firman Tuhan

Baca Yohanes 1:1-5. Kenapa dikatakan Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah?

2. Bandingkan dengan Kejadian 1:1-3. Dapatkah anda kaitkan penciptaan langit dan bumi dengan Firman?
3. Jika demikian, adakah Firman itu Allah?

Yohanes tidak menggunakan gelaran "Anak Allah" pada permulaan Injilnya. Sebaliknya, dia menggunakan istilah "Firman" untuk merujuk kepada Yesus. Pastinya, pembaca-pembaca Perjanjian Lama dapat dengan segera mengaitkan istilah ini dengan Firman Tuhan dalam Perjanjian Lama. Ini merupakan wahyu Tuhan yang kreatif, yang berkuasa memenuhi segala rencana-Nya.

4. Senaraikan seberapa banyak perkara tentang Firman yang dapat anda temui dalam ayat-ayat 1-4.
< ayat 1a> _____
< ayat 1b> _____
< ayat 1c> _____
< ayat 2> _____
< ayat 3> _____
< ayat 4> _____
5. Baca Yohanes 1:10-14. Yohanes akhirnya mengenalpastikan siapa Firman ini. Lihat ayat 14, "Firman itu sudah menjadi manusia dan tinggal antara kita. Kita nampak kemuliaan-Nya, kemuliaan yang diterima-Nya sebagai anak tunggal Bapa..." Siapakah "Firman"?
6. Sekarang buka Lukas 2:1-20. Siapa watak-watak utama dalam kisah Natal?
7. Cuba huraikan apa agaknya rupa bayi yang baru dilahirkan ini. Kemudian tulis segala yang dapat anda temui melalui Yohanes 1:1-5, 10-14 tentang siapa sebenarnya bayi ini!
8. Baca Kolose 1:15-16. Apa yang dimaksudkan dengan 'yang sulung,

lebih utama daripada segala yang diciptakan' (ayat 15)?

9. Apa kaitan Kolose 1:16 dengan Yohanes 1:1-5 dan Kejadian 1:1-3 yang telah anda kaji sebelum ini?



Renungan Peribadi

1. Renungkan kebaikan dan kasih Allah terhadap anda. Kemudian kongsi atau berikan kesaksian bagaimana Tuhan menyatakan kebaikan dan kasih-Nya kepada anda sepanjang satu dua minggu ini.
2. Luangkan masa untuk menyembah Tuhan. Mungkin boleh menyanyikan satu dua lagu pujian dan sembah.

Santapan Minda

“Tuhan Yesus, Engkau adalah kebenaranku dan aku adalah dosa-Mu. Engkau telah meletakkan ke atas diri-Mu apa yang menjadi kepunyaanku dan memberikan aku apa yang sebenarnya milik-Mu. Engkau telah menjadi apa yang bukan Engkau supaya aku boleh menjadi apa yang bukan aku.”

~ Martin Luther




Doa

Ambil beberapa waktu untuk merenung kehebatan kasih Allah sehingga memberikan Yesus untuk datang ke dunia ini yang sanggup menjadi seperti kita supaya kita menerima kekayaan kasih-Nya. Bersoalah agar anda juga akan berusaha menjadi seperti Dia, menjadikan diri anda ‘miskin’ supaya kehidupan orang lain di sekeliling anda akan diperkayakan.

**Sesi
2**

Wajah Tuhan





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi Yesus menjawab, “Sudah lama Aku bersama-sama kamu semua, dan kamu belum mengenal Aku juga, Filipus? Orang yang sudah melihat Aku, sudah melihat Bapa. Mengapa kamu berkata, ‘Tunjukkanlah Bapa kepada kami?’” (Yohanes 14:9)



Kata-kata Mutiara

Kita akan melihat wajah Allah dalam peribadi Yesus Kristus kerana Yesus Kristus merupakan gambaran Allah dan di dalam Yesus-lah terdiri segala kepenuhan Allah.



Aktiviti Bersama

Jika Kamu Sudah Melihat Aku...

Dalam kumpulan kecil masing-masing, bincangkan keadaan berikut:

Katakanlah Tuhan telah mengutus malaikat kepada semua gereja supaya mengumumkan bahawa Dia sudah datang sekali lagi sebagai manusia dan sekarang menetap di kawasan kediaman anda. Bagaimana anda akan mengenalpastikan Dia jika anda mahu mencari-Nya? Tahukah anda di mana anda dapat menemui-Nya?

Catatkan poin-poin utama perbincangan anda di atas kertas yang sudah diberikan tadi. Kongsikan jawapan anda.



Renungan Firman Tuhan

1. Kamu Sudah Melihat Bapa... Rujuk kepada kenyataan-kenyataan yang tertera di bawah ini:

- *Mengampuni dosa*
- *Murah hati dan berbelas kasihan*
- *Tidak cepat marah*
- *Mengasihi semua yang dicipta-Nya*
- *Menegakkan semua yang jatuh*
- *Memenuhi keinginan mereka yang menakuti Dia*
- *Benar dalam segala yang dilakukan-Nya*
- *Menegakkan keadilan bagi mereka yang tertindas*
- *Melihat isi hati manusia*

- i. Semua kenyataan merupakan rujukan kepada karakter Tuhan yang tercatat dalam Perjanjian Lama. Buka kepada Injil Markus dan perhatikan bagaimana ciri-ciri Tuhan ini tampak dalam diri Yesus.
- ii. Telitikan pernyataan-pernyataan tersebut dan perhatikan bahwa Yesus menunjukkan ciri-ciri yang disebut tadi dalam hidup-Nya serta melalui tindaklaku-Nya.
- iii. Anda juga boleh memasukkan ciri-ciri lain yang anda temui selain daripada yang disenaraikan tadi.
- iv. Kongsikan apa yang ditemui kumpulan anda.

2. Apa yang boleh anda simpulkan tentang Yesus dari Kolose 1:15,16?
3. Sekarang baca Kolose 1:19, 20. Bagaimana Yesus dapat memperdamaikan kita dengan Allah?
4. Apa yang telah dilakukan oleh Yesus untuk kita dan di manakah Dia ditempatkan? (Ibrani 1:3,4)
5. Menurut anda, apa yang dimaksudkan oleh Yesus "barangsiapa yang melihat Aku (Yesus), telah melihat Bapa (Allah)"? (Yohanes 14:5-11)



Renungan Peribadi

Potret Wajah Tuhan

Selesaikan kenyataan berikut pada kad-kad kecil berwarna yang sudah diedarkan kepada anda (*Anda juga boleh melakarkan potret untuk menggambarkan apa yang sudah anda pelajari*):

Melalui kajian mengenai Yesus, saya telah mempelajari bahawa:

Santapan Minda

Kita bukan sahaja tidak mengenal Allah kecuali melalui Yesus Kristus; kita bahkan tidak mengetahui siapa diri kita kecuali melalui Yesus Kristus.

~ Blaise Pascal, Les Pensees



Doa

Pujilah Tuhan dengan yang anda pelajari tentang Allah melalui Yesus. Berdoalah agar anda akan hidup mencontohi Yesus – menjadi wajah-wajah hidup yang mencerminkan siapa Allah.

**Sesi
3**

Rabi Radikal





Ayat Mas Alkitab

"Jawab-Nya kepada mereka: "Benarlah nubuat Yesaya tentang kamu, hai orang-orang munafik! Sebab ada tertulis: Bangsa ini memuliakan Aku dengan bibirnya, padahal hatinya jauh dari pada Ku. Percuma mereka beribadah kepada-Ku, sedangkan ajaran yang mereka ajarkan ialah perintah manusia. Perintah Allah kamu abaikan untuk berpegang pada adat istiadat manusia." (Markus 7:6-8)



Kata-kata Mutiara

Yesus adalah Allah mengejakan diri-Nya dengan satu bahasa kemanusiaan yang boleh difahami. ~ S. D. Gordon



Aktiviti Bersama

Mari Bertukar Tempat

1. Pilihlah 4 orang peserta untuk membentuk Kumpulan A. Mereka akan duduk atau berdiri di hadapan empat buah kerusi pertama. Pilih 4 orang lagi untuk membentuk Kumpulan B, dan mereka akan berdiri di hadapan empat buah kerusi terakhir. Kosongkan kerusi di tengah-tengah.
2. Anda dikehendaki bertukar tempat antara ahli-ahli kumpulan A dan B menurut peraturan-peraturan berikut:
 - a. Sesiapa saja boleh bergerak satu tempat menduduki kerusi kosong.
 - b. Ahli kumpulan A boleh bertukar tempat dengan ahli kumpulan B dan sebaliknya.
 - c. Tetapi ahli kumpulan yang sama tidak boleh bertukar tempat.
 - d. Anda hanya boleh bertukar tempat dengan seorang sahaja setiap kali.
3. Jika anda tidak dapat lagi bertukar tempat langsung, maka anda mesti bermula semula. Atau, kumpulan lain boleh mengambil alih.



Renungan Firman Tuhan

Mengikuti Hukum-hukum Allah

1. Siapakah yang akan anda cari jika anda menghadapi masalah

memahami Firman Tuhan?

2. Siapakah yang 'pakar' dalam Firman Tuhan
3. Siapakah 'pakar-pakar' ini ketika zaman Yesus?

Ketika zaman Perjanjian Baru, 'pakar-pakar' ini ialah guru-guru agama atau pengajar-pengajar Hukum Taurat. Itulah gelaran mereka dalam Injil. Merekalah yang menafsirkan Firman Tuhan bagi umat-Nya. Bersama-sama orang-orang Farisi (iaitu mereka yang amat mengutamakan peraturan serta tradisi agama, khasnya pemberian persepuluhan, upacara-upacara penyucian diri serta kesucian Hari Sabat), mereka bertentangan pendapat dengan Yesus.

Marilah kita perhatikan masalah-masalah yang Yesus hadapi dengan pengajaran-pengajaran mereka.

4. Baca bahagian-bahagian Alkitab yang diberikan. Tuliskan apa yang diajar oleh orang-orang Farisi dan guru-guru agama. Kemudian catatkan mengapa Yesus tidak bersetuju dengan mereka.

Bahagian Firman	Ajaran-ajaran Orang-orang Farisi dan Guru-guru Agama	Apa yang Diajar oleh Yesus
Markus 3:1-6		
Markus 7:1-8		
Matius 23:1-7, 23-28		
Yohanes 8:1-11		

5. Pada pendapat anda, mengapa Yesus mendapati ajaran-ajaran mereka bermasalah? Adakah Yesus mengatakan bahawa Dia tidak bersetuju dengan Hukum-hukum Tuhan? Bincangkan hal ini dalam kumpulan anda.



Renungan Peribadi

Pemeriksaan Virus

“Mengapakah engkau melihat selumbar di mata saudaramu, sedangkan balok di dalam matamu tidak engkau ketahui?” Yesus pernah bertanya murid-murid-Nya.

Memang mudah mengenalpasti kemunafikan pada diri orang lain daripada menyedari bahawa kita sendiri turut memiliki sifat kemunafikan.

Tetapi jika anda mahu menjadi peribadi yang benar dan tulus, yang tidak munafik – maka anda harus melakukan pemeriksaan diri. Anda harus mengenalpasti ‘ulat-ulat munafik’ dalam hidup anda, iaitu aspek-aspek kehidupan anda yang kelihatan sahaja bersifat ‘Kristian’ tetapi tidak disertai dengan sikap Kristus.

‘Ulat-ulat’ dalam sistem saya

1. Senaraikan di bawah aspek-aspek hidup anda yang anda sedar hanya merupakan ‘suatu pertunjukan luaran’ sahaja.

‘Ulat-ulat’ Kemunafikan Saya

2. Pada fikiran anda, mengapa anda ‘menayangkan’ aspek-aspek tersebut?

3. Apa kata kalau anda serahkan pergumulan anda kepada Tuhan sekarang? Ucapkan syukur kepada-Nya kerana memberi anda kesedaran ini dan mohon pengampunan-Nya. Doalah agar Dia akan membantu anda mengatur hidup anda secara tulus dan jujur serta berkasih simpati.

Menghapuskan 'Ulat-ulat' dalam sistem saya

1. Pilih dua aspek yang sudah anda senaraikan tadi. Pada fikiran anda, apakah yang akan dilakukan oleh Yesus jika Dia berada dalam keadaan anda?

2. Bagaimana anda dapat mencontohi teladan Yesus dalam kedua-dua aspek ini?

3. Apa kata jika anda serahkan kedua-duanya kepada Tuhan dan mohon Dia memberi anda kemenangan?

Santapan Minda

Ingatlah – menjadi jujur dan tulus seperti Yesus bukan sekadar mengikuti peraturan-peraturan atau menaati hukum-hukum yang ditentukan. Menjadi jujur dan tulus bererti mencontohi Yesus dan setia kepada inti atau makna sebenar perintah-perintah Tuhan




Doa

Mohon Tuhan membantu anda untuk bertumbuh matang dalam kehidupan saleh yang akan mencerminkan siapa Tuhan. Berdoa juga agar anda akan menjadi suluh terang yang menunjukkan jalan kepada orang lain untuk mendekati Tuhan.

**Sesi
4**

Sabahat Sejati Orang-Orang Berdosa





Ayat Mas Alkitab

"Yesus mendengarnya dan berkata kepada mereka: "Bukan orang sihat yang memerlukan tabib, tetapi orang sakit; Aku datang bukan untuk memanggil orang benar, melainkan orang berdosa."

(Markus 2:17)



Kata-kata Mutiara

Yesus menyambut dengan tangan terbuka sesiapa sahaja yang menyedari dirinya telah berdosa; bahawa dia memerlukan Tuhan tidak kira apa sekali pun yang sudah dilakukannya.



Aktiviti Bersama

Senarai Tetamu Majlis Hari Jadi

Hari jadi anda akan disambut dalam masa beberapa minggu lagi. Beberapa bulan kebelakangan ini anda telah meminta izin daripada ibu bapa anda untuk mengadakan majlis hari jadi anda. Mereka bersetuju tetapi dengan syarat ibu anda mahu anda menjemput rakan-rakan anda yang belum pernah dia bersua muka.

1. Buat dua senarai: satu senarai nama-nama kawan-kawan yang biasa dijemput dan satu senarai lagi mereka yang pastinya tidak akan dijemput jika bukan kerana syarat ibumu.
2. Pada senarai kedua, catatkan sebab-sebab mengapa anda tidak mahu menjemput nama-nama yang tercatat itu.
3. Kongsikan sebab-sebab anda tetapi tidak perlu menyatakan nama-nama.



Renungan Firman Tuhan

1. Baca satu salah bahagian Firman di bawah (menurut pilihan kumpulan)

1 Markus 2:13-17

2 Lukas 7:36-50

2. Bila membaca, beri perhatian kepada perkara-perkara berikut:
 - Watak-watak utama bahagian itu
 - Reaksi-reaksi orang ramai kepada watak utama ini
 - Reaksi Yesus kepada watak ini
3. Kongsikan apa yang telah anda temui dalam kumpulan anda.



Renungan Peribadi

Pertembungan Segar Dengan Yesus

Setiap kali kita fikir kita sudah tahu segala-galanya tentang Tuhan, Dia akan mengejutkan kita dengan sesuatu yang baru dan segar tentang diri-Nya.

Marilah Melihat Yesus

Apakah satu-satunya hal yang anda pelajari hari ini yang amat meninggalkan kesan kepada anda?

Marilah Melihat Diri Sendiri

Adakah anda lebih menyerupai orang-orang Farisi, Lewi atau perempuan berdosa itu?

Adakah anda sering menghakimi orang lain atau diri anda sendiri?

Mengapa demikian?

Pada fikiran anda, apa yang cuba Tuhan beritahu anda melalui jawapan-jawapan yang anda berikan bagi soalan-soalan di atas?

Apakah yang dapat anda lakukan setelah menyedari apa yang Tuhan mahu tunjukkan kepada anda?

Marilah Melihat Tuhan

Ingatlah, Tuhan bukan seperti kita. Tangan-Nya terbuka luas, menyambut kita dengan kasih-Nya, tanpa menghakimi kita. Kita tidak perlu menjadi baik atau berkelakuan baik terlebih dahulu barulah Dia mengasihi dan menerima kita.

Pada masa yang sama, Dia juga mahu kita membuka luas tangan kita untuk menerima orang lain, tanpa prejudis atau prasangka atau menghakimi mereka berdasarkan apa yang kelihatan kepada mata kasar sahaja.

Santapan Minda

"Sebab itu Aku berkata kepadamu: Dosanya yang banyak itu telah diampuni, sebab ia telah banyak berbuat kasih. Tetapi orang yang sedikit diampuni, sedikit juga ia berbuat kasih." (Lukas 7:47)




Doa

Berdoalah supaya Tuhan akan terus mengajar anda hal-hal yang baru dan segar tentang Diri-Nya; dan tentang diri anda supaya anda akan bertumbuh matang, mendekati Tuhan dan semakin mensyukuri kemurahan Tuhan yang berlimpah-limpah.

**Sesi
5**

Hamba Yang Menderita





Ayat Mas Alkitab

“Yesus adalah Anak Allah, tetapi meskipun begitu, Ia belajar menjadi taat melalui penderitaan-Nya. Maka sesudah Ia dijadikan penyelamat yang sempurna, Ia menjadi sumber keselamatan yang kekal bagi semua orang yang taat kepada-Nya.” (Ibrani 5:8-9)



Kata-kata Mutiara

Yesus memilih jalan penderitaan yang berakhir di kayu salib demi diri kita. Oleh sebab Dia patuh kepada penderitaan, Dia menjadi sumber keselamatan kita. Bukan itu sahaja, Dia menjadi sumber pertolongan kita apabila kita mengharungi penderitaan.




Aktiviti

Bersama

Logik

Seekor nyamuk hinggap di dalam setiap bentuk ini. Ia cuba melintasi setiap tepi hanya sekali supaya dapat terbang ke luar bentuk tersebut. Nyamuk tidak mengalami sebarang masalah dengan segi tiga. Nyamuk itu dapat melakukan hal yang sama dengan bentuk-bentuk apa lagi? Ingat bahawa ia hanya dapat melintasi setiap tepi hanya sekali sahaja.



Bersama pasangan anda, cuba kenalpasti pola umum untuk menyelesaikan teka-teki ini.



Renungan Firman Tuhan

1. Pementasan Semula

- a. Anda akan dibahagikan kepada tiga kumpulan.
- b. Setiap kumpulan akan membincangkan salah satu bahagian Alkitab atau set Alkitab yang berikut:

Matius 26:57-68; Markus 14:53-65

Matius 27:11-31

Matius 27:32-44

- c. Baca bahagian yang ditentukan bagi kumpulan anda. Berikan tumpuan kepada reaksi-reaksi orang ramai terhadap Yesus.
- d. Kemudian, pentaskan semula keadaan yang anda bacakan tadi – anda bebas menggunakan dialog sendiri asalkan makna asal dikekalkan. Anda diberi 5 minit untuk pementasan lakonan anda.
- e. Pementasan dijalankan menurut urutan berikut:

i. Di hadapan pihak Mahkamah Agama (Matius 26:57-68; Markus 14:53-65)

ii. Di hadapan Pilatus dan pengawal-pengawalnya (Matius 27:11-31)

iii. Di hadapan khalayak umum (Matius 27:32-44)

2. Baca Yesaya 53:1-12. Tuliskan segala penderitaan dan penghinaan yang dilalui oleh hamba ini:

3. Adakah penderitaan ini juga dilalui oleh Yesus? Dapatkan anda mendapatkan jawapannya dengan membaca daripada Injil?

4. Kenapa Yesus harus melalui semua ini sampai kepada penyaliban-Nya di kayu salib?



Renungan Peribadi



Renungkan:

Yesus memilih jalan penderitaan dan mati dengan cara yang paling dahsyat demi menyelamatkan anda. Setelah merenungi, berilah respon dengan cara mengucapkan terima kasih dan syukur kepada Tuhan.



Fikirkan:

Mana-mana penderitaan atau kegagalan dalam hidup anda, atau situasi di mana anda merasa sungguh kecewa, tanpa harapan. Nyatakan pergumulan-pergumulan anda kepada Tuhan dan serahkan semua itu ke dalam tangan Tuhan, mempercayai bahawa Tuhan akan memberi harapan dan kemenangan.



Buat Pilihan:

Fikirkan keadaan-keadaan yang sedang atau akan hadapi di mana anda harus membuat pilihan sama ada mengikuti Tuhan dan menerima akibatnya atau memilih jalan sendiri dan melepaskan diri daripada penderitaan. Anda haruslah berterus terang membawakan respon anda kepada Tuhan

Santapan Minda

"Maka sekarang, sama seperti kamu kaya dalam segala sesuatu, -- dalam iman, dalam perkataan, dalam pengetahuan, dalam kesungguhan untuk membantu, dan dalam kasihmu terhadap kami--demikianlah juga hendaknya kamu kaya dalam pelayanan kasih ini." (2 Korintus 8:7)



Doa

.Berdoalah kepada Tuhan yang memula dan yang akan menyempurnakan iman anda. Doakan agar Dia mengurniakan kekuatan dan kemurahan semasa anda harus mengharungi penderitaan dan kesukaran. Semoga melalui pengalaman-pengalaman ini, Tuhan akan mengajar anda bertumbuh dalam iman dan kepatuhan kepada-Nya.

**Sesi
6**

Tuhan Allah Yang Pengasih





Ayat Mas Alkitab

"Inilah cara Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita: Dia mengutus Anak-Nya yang tunggal ke dalam dunia supaya melalui Anak-Nya kita beroleh hidup sejati dan kekal. Inilah kasih: Bukannya kita telah mengasihi Allah, tetapi Allah mengasihi kita dan mengutus Anak-Nya supaya melalui Dia dosa kita diampuni. (1 Yohanes 4:9-10)



Kata-kata Mutiara

Dalam Yesus kita melihat sepenuhnya kasih Tuhan terhadap kita, kasih yang mencari kita dan yang bersukacita apabila kita kembali ke pangkuan-Nya.



Aktiviti Bersama

Anda akan dibahagikan kepada kelompok kecil dengan 4 atau 5 orang. Baca keadaan berikut:

Ada seorang pelajar dalam kelas anda yang dianggap tak berguna oleh semua orang. Dia tidak mempunyai seorang kawan langsung. Ini bukannya disebabkan oleh pelajar-pelajar lain dalam kelas tidak mahu berkawan dengannya. Dia memang berkelakuan suka mengacau. Dia tak bersopan, termasuk kepada guru-guru; dia melakukan hal-hal yang menjijikkan; dan sepanjang bulan yang lalu, dia mengejek-ejek anda padahal anda tidak melakukan apa-apa. Kawan-kawan anda pula asyik menegur supaya menghentikan semua itu. Tetapi hari inilah yang paling teruk. Anda berjalan menuju tempat kawan untuk bertanya sesuatu bila anda tersandung dan jatuh. Kawan anda juga hampir terjatuh; angkara budak itu!

Sekarang bincangkan apakah reaksi anda dan apa agaknya yang akan anda lakukan. Kongsikan respon anda.



Renungan Firman Tuhan

Pencarian Yang Bersungguh-sungguh

Adakah anda pernah bersungguh-sungguh mencari sesuatu yang hilang? Jika pernah, maka anda lebih memahami kedua-dua kisah berikut yang telah diceritakan oleh Yesus.

1. Baca Lukas 15:1-10. Kemudian jawab soalan-soalan berikut:

	Domba Yang Sesat (ayat 1-7)	Duit syiling Yang hilang (ayat 8-10)
apa yang dilakukan oleh wanita/gembala itu bila dia menyedari bahawa dia telah kehilangan sesuatu?		
Mengapa mereka mempunyai reaksi sedemikian?		
Apakah yang dapat anda ketahui tentang perasaan mereka terhadap 'milik' mereka?		
Apakah reaksi mereka bila mereka menemui kembali apa yang mereka sangka sudah hilang?		

2. Menurut Yesus, gembala/wanita serta domba yang sesat/duit syiling yang hilang itu mewakili siapa?

3. Kedua-dua perumpamaan ini pada dasarnya membawakan mesej yang sama. Pada pendapat anda, apa agaknya yang ingin Yesus katakan melalui kedua-dua perumpamaan tersebut?



Renungan Peribadi

Fikir dan renungkan apa yang sudah anda pelajari hari ini tentang kasih Tuhan terhadap anda. Sekarang tulis perumpamaan anda sendiri yang akan meluahkan perasaan kasih anda terhadap Tuhan. Perumpamaan itu tidak perlu terlalu panjang.

Santapan Minda

“Jika anda mengalihkan pandangan anda kepada diri anda, anda akan hanya dapat melihat kebencian, kesepian, kemarahan, kerundingan, kemusnahan dan keburukan. Tetapi bila anda mengalihkan pandangan anda kepada Kristus and anda menemukan-Nya, maka bersama-sama dengan Dia semua yang keburukan yang ada pada anda akan dihapuskan. ~ C. S. Lewis



Doa

Ucapkan terima kasih dan syukur kepada Tuhan kerana telah mengasihi anda dan mengutus Yesus untuk mati demi dosa-dosa anda agar anda boleh mengenali kasih-Nya. Berdoalah agar Dia membantu anda untuk semakin mengenali betapa dalam dan kayanya kasih-Nya terhadap anda dalam Kristus Yesus, Tuhanmu.

**Sesi
7**

**Tetap Berpaut
Pada Yesus**





Ayat Mas Alkitab

“Akulah pokok anggur dan kamulah ranting-rantingnya. Barangsiapa yang tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia, ia berbuah banyak, sebab di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa.” (Yohanes 15:5)



Kata-kata Mutiara

Tuhan menyeru kita supaya menetap dalam Yesus jika kita mahu bertumbuh dalam perhubungan kita dengan Dia dan menghasilkan buah.



Aktiviti Bersama

Lakonan “Ranting Yang Mau Dikecualikan”

1. Anda akan dibahagikan kepada kelompok kecil yang terdiri daripada empat atau lima orang.
2. Baca Yohanes 15:1-11.
3. Berdasarkan bahagian itu, sediakan lakonan berjudul **“Ranting yang Mahu Dikecualikan”**. Ia boleh menceritakan tentang ranting yang memberontak, yang tidak mahu lagi menetap bersama pohon. Sementara itu, pohon pula cuba memujuknya supaya tetap berpaut padanya demi kebaikan diri ranting sendiri.
4. Libatkan semua orang – mungkin sebagai ranting-ranting lain, daun-daun atau buah-buahannya.
5. Lakonkan drama masing-masing.



Renungan Firman Tuhan

Ranting-ranting yang Berbuah

Baca Yohanes 15:1-11

1. Dalam bahagian Alkitab ini, Yesus menggunakan tiga gambaran atau lambang berlainan untuk mewakili Tuhan, Diri-Nya dan anda. Namakan gambaran yang mewakili:

Allah Bapa _____ (ayat 1)

Yesus _____ (ayat 1, 5)

Anda _____ (ayat 5)

2. Bayangkan diri anda sebagai Presiden Pekebun Peringkat Daerah. Terdapat ahli-ahli baru yang langsung tidak tahu menahu tentang tanaman atau bagaimana menanam. Anda ditugaskan untuk menjelaskan serba sedikit tentang pokok dan tanaman serta penjagaannya kepada mereka. Mereka mahu anda menceritakan fungsi-fungsi:

Pohon/ batang pokok	
Ranting-ranting	
Pekebun atau orang yang menjaga tanaman itu	

3. Sebagai ranting, anda disuruh ‘menetap dalam’ Yesus (ayat 4, 5). Pada pendapat anda, apakah maksudnya “menetap dalam” Yesus?

Bulatkan jawapan yang betul:

- Selalu mendampingi-Nya
- Fikirkan tentang Yesus setiap masa
- Percaya pada Dia
- Ceritakan Yesus kepada orang lain
- Lain-lain _____

Lihat ayat 10. Apakah yang juga dimaksudkan dengan “menetap dalam” Yesus?

4. Sebagai pekebun, apa yang dilakukan oleh Tuhan terhadap:
- Ranting-ranting yang tidak berbuah (ayat 2a)?

- Ranting-ranting yang sudah berbuah (ayat 2b)?

5. Apakah hasil “memangkas” atau “memotong ranting-ranting atau daun-daun” (ayat 2b)?

6. Jika anda menetap dalam Yesus dan mengizinkan Tuhan “memangkas” anda, apa yang akan terjadi kepada anda?

Ayat-ayat 5 dan 8	
Ayat 7	
Ayat 11	



Renungan Peribadi Apakah Tuaianya?

1. Apakah pokok buah kegemaran anda?
2. Cuba bayangkan diri anda sebagai salah sebatang ranting pokok buah kegemaran anda, bagaimana agaknya rupa ranting anda? Adakah ia langsung tidak berbuah, ada sedikit buahnya atau mempunyai banyak buah?
3. Sekarang, dengan jujur, cuba lukiskan keadaan ranting anda. Sama ada anda berbakat dalam melukis atau tidak, itu bukan masalahnya.



Tidakkah anda inginkan tuaian yang lebat?

Firman Yesus kepada anda ialah, anda harus menetap dalam Dia, berpaut pada Dia jika anda mahu menghasilkan banyak buah.

Marilah kita lihat sekali lagi kebun anda!

Peraturan Menanam #1

Supaya dapat terus menetap dalam Yesus dan menghasilkan banyak buah, anda perlu menjaga dan membersihkan taman anda, anda perlu membuang lalang-lalang dalam taman anda! Renungkan dan fikirkan apakah perkara yang harus anda lakukan jika anda mahu terus menetap dalam Yesus?

Tandakan mana-mana yang anda fikir anda harus lakukan:

- ☐ Luangkan masa setiap hari membaca Firman Tuhan
- ☐ Luangkan masa setiap hari berdoa
- ☐ Tumpukan lebih perhatian kepada apa yang diajar oleh Tuhan
- ☐ Menghadiri Kebaktian Penyembahan setiap Hari Minggu
- ☐ Lebih mempercayai Tuhan dalam menghadapi segala masalah.
- ☐ Beriman walaupun ada yang tidak lancar dalam hidup ini.
- ☐ Berjaga-jaga dengan penggunaan kata-kata dan bahasa saya
- ☐ Gunakan masa dengan lebih berhati-hati
- ☐ Berjimat cermat dengan penggunaan wang saya
- ☐ Mempunyai sikap yang lebih baik terhadap pembelajaran saya
- ☐ Jadi teladan dan saksi yang lebih baik di mana saya berada
- ☐ Lain-lain _____

Peraturan Menanam #2

Marilah kita lihat apakah buah-buah yang harus dihasilkan oleh seorang Kristian. Mana satu yang anda inginkan dalam hidup anda? .

- ☐ Dengan berani, bersaksi tentang Yesus
- ☐ Patuh kepada ibu bapa saya
- ☐ Patuh kepada Yesus
- ☐ Pengasih dan bertimbang rasa
- ☐ Sabar
- ☐ Mengasihi Tuhan
- ☐ Rajin
- ☐ Menggunakan bakat-bakat saya untuk melayani Tuhan
- ☐ Lain-lain _____

Supaya menghasilkan banyak buah, anda perlu mengizinkan Tuhan untuk 'memangkas bahagian-bahagian ranting atau daun-daun,' iaitu sikap-sikap dan tindaklaku yang salah, yang menghalang atau membantut pertumbuhan. Jadi, jika anda mahu hidup anda menghasilkan buah-buah pilihan anda tadi, apakah aspek-aspek yang harus 'dipangkas' oleh Tuhan dalam kehidupan anda? (Contohnya, sikap

cepat marah, bersikap tidak menghormati ibu bapa, malas, dsb. Senaraikan di bawah ini tiga perkara:

- 1.
- 2.
- 3.

Jika anda mahu bertumbuh dalam perhubungan anda dengan Tuhan, anda mesti menetap dalam Yesus dan anda mesti mengizinkan Tuhan 'memangkas' anda!

Santapan Minda

"Dalam kehidupan ini, Kristus adalah satu contoh yang menunjukkan kita bagaimana untuk hidup. Dalam kematian-Nya, Dia adalah satu Korban Sempurna yang dipuaskan untuk dosa-dosa kita. Dalam kebangkitan-Nya, Dia adalah seorang Penakluk. Dalam kenaikan-Nya, Dia adalah seorang Raja. Dan dalam doa syafaatNya, Dia adalah seorang Imam Besar."

~ Martin Luther, 1483–1546




Doa

Berpasanglah dengan seorang teman dan doakan satu sama lain supaya Tuhan membantu anda bertumbuh dalam tiga perkara yang anda senaraikan dalam bahagian Renungan Peribadi. Sebelum itu, beritahu Tuhan bahawa anda mengizinkan Dia 'memangkas' mana-mana aspek kehidupan anda yang perlu dibaiki supaya anda dapat mencapai pertumbuhan yang subur dan menghasilkan banyak buah yang berkenan kepada-Nya.

**Sesi
8**

**Jadilah Murid
Kristus**





Ayat Mas Alkitab

“Di Antiokhialah murid-murid itu untuk pertama kalinya disebut Kristian.” (Kisah Para Rasul-rasul 11:26)



Kata-kata Mutiara

Seorang murid ialah seseorang yang telah mempersilakan Yesus ke dalam hidup mereka, menjadi Penyelamat mereka dan menjalin perhubungan peribadi dengan Dia.



Aktiviti Bersama

Kotak Peristiwa Kehidupan

1. Lukiskan satu peristiwa penting dalam setiap peringkat kehidupan anda dengan cara menggambarannya dengan satu lakaran mudah.
2. Anda akan diminta berkongsi dengan kumpulan anda atau para peserta bila selesai menggambarannya.

Alam Kanak-kanak	Alam Remaja
Alam Dewasa	Masa Hadapan



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah atau siapakah orang Kristian? Buka Alkitab dan baca Markus 1:14-20. Berikan jawapan anda berlandaskan bahagian

Alkitab ini.

2. Apa yang terlintas di pikiran anda bila anda mendengar perkataan 'murid'?
3. Apa yang anda mengerti tentang pernyataan 'menjadi murid Kristus'?
4. Menjadi murid berarti kita berkomitmen mengikuti Yesus Kristus, Anak Allah, dan menjalin perhubungan dengan-Nya. Apa pula yang dimaksudkan dengan menjalin perhubungan dengan Yesus? Baca Yohanes 15:1-5 dan tuliskan penemuan anda.

Sekarang, bersama-sama semua ahli kumpulan, ulangi kata-kata berikut:

Menjadi murid berarti saya/ kami membuat komitmen menetap dalam Yesus dan mematuhi Dia supaya Dia akan menjadikan saya/ kami semakin hari semakin menyerupai-Nya.



Renungan Peribadi

Pemeriksaan Diri

Jika anda mengaku diri anda seorang Kristian, maka anda sudah pun menjadi murid Yesus Kristus.

Adakah anda menganggap serius pemuridan anda? Ertinya, bagaimanakah keadaan anda dengan Yesus?

1. Bagaimana anda menilai hubungan anda sekarang dengan Yesus? Tandakan X di atas skala di bawah ini sebagai penilaian anda sendiri tentang kedudukan perhubungan anda dengan Yesus.



Teruk Sekali!

Hebat Sekali!

Dalam setiap hubungan, terdapat tiga aspek komunikasi:

- * Anda bercakap dan kawan anda mendengar
- * Kawan-kawan anda bercakap dan anda mendengar
- * Anda bercerita kepada orang lain tentang kawan anda

2. Nilai aspek-aspek komunikasi anda dalam hubungan dengan Yesus. Tandakan skala penilaian di bawah dengan membulatkan satu nombor antara 0 dan 10.

Saya bercakap dengan Yesus										
0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

(a) Apakah yang anda cakapkan kepada Yesus baru-baru ini?

(b) Adakah Yesus menjawab doa-doa anda?

Yesus bercakap dengan saya										
0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

(c) Berapa kerap anda meluangkan masa bersama-sama Yesus membaca Firman-Nya? Bulatkan jawapan anda.

Setiap Hari	Kadangkala	Tak Berapa Kerap	Jarang Sekali
-------------	------------	------------------	---------------

(d) Apa yang sudah diajar oleh Yesus kepada anda baru-baru ini?

Saya bercerita kepada orang lain tentang Yesus										
0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

(e) Bilakah kali terakhir anda berbual-bual dengan orang lain tentang Yesus?

(f) Apa yang anda katakan?

3. Bahagian lain hubungan anda dengan Yesus melibatkan anda mengikuti Dia, iaitu anda mematuhi-Nya. Baca Yohanes 14:23-24.

(a) Bilakah kali terakhir anda mematuhi Yesus?

(b) Bilakah kali terakhir anda melanggar perintah-Nya?

(c) Mana yang lebih kerap terjadi, mengikuti Yesus iaitu mematuhi-Nya atau mengingkari-Nya?

Lakukannya!

Sekarang sesudah anda membuat penilaian, pada pendapat anda sendiri, sesihat manakah keadaan anda sebagai seorang murid? Bulatkan satu nombor antara 0 hingga 10 untuk menunjukkan keadaan anda.

0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Agak Cacat!					Sihat Sekali!					

Pada penilaian anda, aspek-aspek mana yang anda harus bertumbuh dalam pemuridan anda? Rujuk kepada tiga aspek yang sudah anda nilaikan awal tadi.

Apa yang dapat anda lakukan untuk bertumbuh dan memperkuat aspek-aspek tersebut?

Santapan Minda

Menjadi seorang murid bukan sekadar pergi ke gereja ataupun memohon Yesus mengampuni dosa-dosa kita. Menjadi seorang murid bererti membuat komitmen atau penyerahan seluruh untuk menetap dalam Yesus, selalu mendampingi-Nya dan mengikuti Yesus Kristus.



Doa

Bersyukurlah kepada Tuhan kerana diberi peluang menjadi murid-murid Yesus. Mohon pada Dia agar Dia membantu anda untuk bertumbuh dalam aspek-aspek kehidupan anda supaya anda menjadi murid Yesus yang setia dan baik.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Jelmaan Allah: Lihatlah Allahmu**Objektif-Objektif Sesi**

1. Mentafsir secara peribadi makna Firman Tuhan iaitu, Yesus yang menjelma menjadi manusia.
2. Mengerti makna Allah menjadi manusia demi diri mereka.
3. Menyembah Allah sebagai balasan kepada kebesaran kasih-Nya terhadap mereka dengan menjelma sebagai manusia.

**Pencetus Minat**

Aktiviti ini bertujuan menggalakkan para peserta supaya mereka secara peribadi akan memikir dengan mendalam dan berupaya meluahkan apakah ertinya Allah menjadi manusia demi diri mereka.

1. Suruh mereka bentukkan kumpulan seramai lima atau enam orang sekumpulan.
2. Suruh mereka buka Alkitab kepada Yohanes 1:1-5, 10-14 dan bacakan kepada mereka.
3. Jelaskan kepada mereka bahawa anda mahu mereka berfikir secara mendalam tentang ayat-ayat tersebut. Kemudian, secara berkumpulan, bincangkan bagaimana mereka dapat melambangkan dengan sebaik-baiknya maksud ayat-ayat tersebut. Suruh mereka secara bebas mereka sebarang bentuk atau gambar untuk melambangkan idea mereka – lakonan, tarian diiringi penceritaan, pembacaan secara berdrama, dsb. Yang penting ialah mereka mentafsirkan apakah makna ayat-ayat tersebut bagi diri mereka.
4. Kemudian, biar setiap kumpulan mempersembahkan interpretasi masing-masing.

**Interaksi**

1. Allah adalah maha besar dan agung – Dia kudus, tidak terbatas, tidak berubah, wujud – Dia Maha Kuasa, Maha Tahu dan Maha Hadir.
2. Bila kita berdepan dengan pandangan Allah yang sedemikian, ramai yang berpendapat bahawa Allah merupakan peribadi yang tidak mesra, terlalu kudus dan terlalu berkuasa. Dia tidak mungkin mahu bergaul dan melibatkan Diri-Nya dengan manusia lemah di bumi ini.
3. Itulah pandangan yang ditegakkan oleh setengah agama. Tuhan

mereka terlalu agung dan dengan itu tidak akan mengambil berat tentang manusia yang tidak seberapa ini.

4. Namun, syukur kepada Tuhan. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah bukan sahaja agung tetapi Dia juga menyatakan Diri-Nya kepada manusia kerana Dia merupakan Allah yang mahu menjalin hubungan erat dengan kita.
5. Untuk mencapai tujuan-Nya itu, Dia menjadi seperti kita.
6. Inilah yang mahu kita pelajari hari ini – apakah maknanya bagi Allah Maha Agung, Tuhan yang benar dan Pencipta segala yang wujud, menjadi seperti makhluk ciptaan-Nya.



Aktiviti Bersama

1. Suruh mereka tetap dalam kumpulan masing-masing.
2. Minta mereka mengambil beberapa waktu untuk merenung 2 pertanyaan tadi dan tuliskan jawapan mereka.
3. Kemudian, bincangkan jawapan-jawapan bersama mereka. Kalau kumpulan anda tidak besar, bincang sebagai satu kumpulan. Sekiranya jumlah peserta sangat besar, biar mereka berkongsi dengan 2 atau 3 orang yang lain.



Renungan Firman Tuhan

1. Firman Bersama Allah
 - a. Firman itu telah ada sejak dari awal. Ia adalah bersama-sama dengan Allah, iaitu satu dengan Allah.
 - b. Kerana Ia adalah satu dan bersama-sama dengan Allah, Ia adalah Allah. Dia jugalah yang menjadikan segala sesuatu sehingga kita tahu bahawa Dia adalah Allah Pencipta.
 - c. Firman ini juga menjanjikan hidup dan terang. Sesiapa yang hidup di dalam-Nya akan beroleh kehidupan dan terang.
2. Firman adalah Pencipta
 - a. Dari Kejadian 1:1-3, Allah mencipta semua yang ada di langit dan di bumi. Roh Allah meliputi bumi ini semasa ia masih kosong dan gelap.
 - b. Dengan berfirman, segala sesuatu diciptakan.
 - c. Firman yang diucapkan oleh Allah sama dengan Firman yang ada bersama-sama dengan-Nya.
 - d. Kita dapat buat kesimpulan bahawa Firman itu ada bersama-sama dengan Allah sejak dari semula.

3. Firman Menjadi Manusia

- a. Kebenaran mengejut yang Yohanes mahu kita ketahui dari mula-mula lagi ialah bahawa Yesus, Anak Allah, merupakan Allah sendiri. Dia wujud dengan sendiri-Nya, tidak terbatas dan merupakan Allah kekal yang menjadi manusia dan datang hidup di kalangan kita.
- b. Bayi yang lahir dalam palungan di Betlehem, tidak dapat membantu diri-Nya sendiri, menangis, memerlukan jagaan orang, tidak lain dan tidak bukan adalah Firman Allah yang kekal.
- c. Misteri inilah – Allah menjadi manusia – sering kali menjadi batu sandungan. Tetapi bagi Yohanes dan murid-murid yang lain, misteri sudah menjadi realiti. (*Suruh mereka buka Alkitab kepada 1 Yohanes 1:1-4*).
- d. Yohanes berkata bahawa dia begitu pasti dan berani menulis hal ini kerana dia telah menyaksikan dengan mata dan menyentuh dengan tangannya sendiri, Firman Allah, Yesus Kristus.
- e. Yesuslah yang mendekatkan Allah kepada kita. Dalam Yesus, kita melihat Allah – inilah misteri dan kehebatan penjelmaan, Allah menjadi manusia.
- f. Namun demikian, penjelmaan Allah, tidak boleh diasingkan daripada satu lagi langkah yang diambil-Nya – Penebusan. Pencipta menjadi seperti kita, ciptaan-Nya, supaya Dia dapat turut merasa bagaimana rasanya menjadi manusia, dicubai oleh dosa, menderita kesakitan kita dan akhirnya, mati bagi pihak kita.
- g. Itulah kebenaran singkat Berita Baik – kebenaran yang amat berkuasa – Allah menjadi manusia demi kita semua. Bagaimanakah kita harus fikirkan tentang Penjelmaan? Perjanjian Baru tidak menggalakkan kita merungsingkan masalah-masalah yang timbul daripada kebenaran ini – sebaliknya ia menggalakkan kita supaya menyembah Allah kerana kasih-Nya yang begitu ketara melalui penjelmaan-Nya.

4. Firman Menjadi Miskin

- a. *Suruh mereka buka Alkitab kepada 2 Korintus 8:9. Suruh mereka baca bersama ayat-ayat tersebut.*
- b. Cuba bayangkan Yesus, sebagai Tuhan sendiri dan memiliki segala-galanya, menjadi miskin? Apa yang perlu Dia serahkan?
- c. *Suruh mereka bincangkan apakah maksud itu dan apa pula ertinya bagi kita jika kita mahu menjadi seperti Yesus.*
- d. Kristus harus mengeneipkan kemuliaan-Nya, harus menyerahkan kuasa-Nya sebagai Tuhan dan terpaksa berjauhan dengan Allah

Bapa semata-mata supaya menjadi manusia.

- e. Dia harus menderita kesengsaraan, ejekan daripada makhluk-makhluk ciptaan-Nya sendiri dan disalahfahamkan oleh ahli keluarga-Nya di dunia.
- f. Walaupun terpaksa mengharungi semua itu, Dia merendahkan diri-Nya dengan menjalani hidup yang patuh dan taat kepada Allah Bapa. Dia juga harus menghadapi maut sebagai seorang penjahat demi keselamatan kita. Bayangkanlah, Allah Pencipta alam semesta melakukan ke semua itu!
- g. Apakah yang menggerakkan Yesus untuk menghadapi semua itu? (*Biar mereka memberi pendapat*).
- h. Inilah kasih – kasih paling hebat bagi orang yang tidak layak seperti kita semua. Allah Terjelma – lihatlah, demikianlah hebatnya Allah anda!

2. Firman Adalah Allah

- a. Suruh salah seorang daripada mereka membaca Kolose 1:15,16.
- b. Yesus adalah gambar kepada Allah yang tidak kita kelihatan. Allah yang dahulunya susah mahu dijangkau oleh manusia, telah menjelma menjadi manusia dan hidup di antara kita.
- c. Tetapi keilahian-Nya tidak hilang. Dia tetap adalah Sang Pencipta yang telah menciptakan segala sesuatu – di bumi mahu pun di syurga. Kerana Yesus dan Allah adalah satu, Dia adalah yang Sulung, lebih utama daripada segala yang diciptakan.
- d. Ayat 15 tidak bermaksud Yesus juga telah diciptakan oleh Allah. Dari Yohanes 1:1-5 dan Kejadian 1:1-3, kita telah mengetahui bahawa Yesus ada bersama Allah semasa penciptaan itu terjadi.
- e. Kolose 1:16 menegaskan sekali lagi kekuasaan Yesus, Firman yang menjelma menjadi Manusia.



Renungan Peribadi

- 1. Pimpinlah para peserta untuk menyembah Allah sebagai respon kepada apa yang sudah mereka pelajari dalam sesi ini.
- 2. Tumpukan pada sifat dan karakter Tuhan yang sudah mereka ketahui, khasnya kasih-Nya yang begitu mengagumkan dalam menyatakan diri-Nya serta menyerahkan segalanya kepada mereka melalui Yesus Kristus.



Doa

Akhiri sesi ini dengan menggalakkan para peserta membuat dedikasi semula kepada Tuhan sebagai respon kepada kasih-Nya terhadap mereka. Doakan mereka dan akhiri masa ini dengan memuji dan mengucapkan syukur kerana Tuhan begitu hebat – sanggup menjadi seperti kita supaya kita menerima kekayaan kasih-Nya. Doakanlah agar mereka akan berusaha menjadi seperti Dia, menjadikan diri mereka 'miskin' supaya kehidupan orang lain di sekeliling mereka akan diperkayakan.

Sesi 2 : Wajah Tuhan



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Yesus merupakan gambaran Tuhan.
2. Mengetahui bahawa bila kita nampak Yesus, kita sebenarnya nampak Allah sendiri.
3. Mengetahui perkara-perkara baru tentang Allah bila kita mengkaji Yesus dalam Injil Markus.
4. Memberi syukur dan pujian kepada Tuhan atas hal-hal baru yang mereka temui tentang Dia.



Pencetus Minat

Tujuan aktiviti ini supaya para belia mengetahui apakah gambaran-gambaran mereka tentang wajah atau rupa Yesus.

1. Bahagikan mereka kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Beri sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Suruh mereka melantik seorang wakil untuk mencatatkan hasil perbincangan masing-masing.
4. Suruh mereka bincangkan soalan-soalan berikut:

Jika anda mahu menghasilkan filem tentang riwayat hidup Yesus, pelakon mana yang akan anda pilih untuk memainkan watak Yesus? Beri sebab-sebab mengapa anda memilih pelakon tersebut.

5. Beri mereka sedikit masa untuk berfikir dan kemudian suruh mereka kongsikan antara satu sama lain dalam kumpulan masing-masing. Suruh wakil catatkan perbincangan itu.
6. Kemudian, suruh setiap orang wakil mengongsikan perbincangan kumpulan masing-masing.



Interaksi Kelompok

1. Menarik sekali pelakon-pelakon yang menjadi pilihan anda untuk memainkan watak Yesus (*rujuk kepada nama-nama pelakon pilihan mereka*).
2. Siapa yang anda pilih seringkali mencerminkan gambaran-gambaran yang tersemat dalam jiwa anda tentang bagaimana rupa Yesus. Biasanya anda akan memilih orang yang paling sesuai menurut gambaran anda.
3. Suruh mereka bincangkan watak-watak Yesus yang pernah mereka tonton dalam filem-filem. Adakah mereka perasan bahawa watak

- yang ditonjolkan oleh setiap filem itu berlainan antara satu sama lain? Malah, ada gambaran Yesus yang tidak berapa betul menurut Alkitab.
4. Pilihan-pilihan anda yang berlainan menunjukkan bahawa anda setiap orang mempunyai pandangan dan pemahaman yang berlainan tentang siapa Yesus sebagaimana yang digambarkan dalam Injil. Dari mana anda mendapat idea dan gambaran-gambaran tersebut? *Beri mereka masa berbincang.*
 5. Kebanyakan idea-idea kita tentang Yesus datangnya daripada kisah-kisah yang diceritakan di sekolah minggu; yang lain daripada ceramah-ceramah dan khotbah-khotbah yang kita dengar atau buku-buku yang kita baca; dan ada pula daripada pembacaan Perjanjian Baru itu sendiri.
 6. Adakah kita dapat mengetahui segala-galanya tentang Yesus? Adakah kita sentiasa betul dalam pandangan kita tentang Yesus? *Biar mereka berbincang serta berikan sebab-sebab mereka sekali.*
 7. Seringkali kita rasa kita sudah tahu sangat tentang Yesus – tidak perlu mengkaji lebih mendalam tentang apa yang dikatakan Alkitab tentang Yesus. Kita membaca sambil lalu saja bahagian-bahagian tentang Yesus, kerap berpegang terus saja dengan pandangan-pandangan lama kita tentang Dia.
 8. Dalam Sesi *Bersemuka Dengan Yesus*, kita mahu melihat Yesus dengan pandangan segar dan apa pemahaman-pemahaman baru yang akan Tuhan ajar atau apa pandangan-pandangan lama tentang Dia yang harus kita ubah.



Aktiviti Bersama **Jika Kamu Sudah Melihat Aku...**

- i. Suruh mereka tetap dalam kumpulan masing-masing.
- ii. Berikan sekeping kertas kepada setiap kumpulan.
- iii. Huraikan keadaan berikut kepada mereka:

Katakanlah Tuhan telah mengutus malaikat kepada semua gereja supaya mengumumkan bahawa Dia sudah datang sekali lagi sebagai manusia dan sekarang menetap di kawasan kediaman anda. Bagaimana anda akan mengenalpastikan Dia jika anda mahu mencarinya? Tahukah anda di mana anda dapat menemui-Nya?

- iv. Biarkan mereka luangkan masa berkongsi antara satu sama lain dalam kumpulan masing-masing.
- v. Suruh mereka lantik seorang wakil untuk mencatatkan poin-poin utama perbincangan mereka.
- vi. Kemudian, suruh setiap orang wakil mengongsikan jawapan-jawapan mereka kepada semua.

Ringkaskan seperti berikut:

1. Mana anda mendapat idea-idea anda tentang siapa Tuhan? (*Biar mereka berbincang*).
2. Jika Tuhan tidak menyatakan Diri-Nya kepada kita dalam Alkitab, tentu sekali tidak ada jalan bagi kita mengenali Dia.
3. Dalam Perjanjian Lama, gambaran yang dinyatakan oleh Tuhan tentang Diri-Nya sendiri masih bukan gambaran sepenuhnya. Tuhan sebenarnya tidak menunjukkan Diri-Nya secara langsung kepada umat Israel. Mereka mengenali Dia melalui apa yang Dia beritahu kepada mereka dan melalui tindakan-tindakan Tuhan kepada mereka serta bangsa-bangsa di sekitaran.
4. Bagi umat Israel, Tuhan selalu dianggap yang Maha Tinggi dan Kudus. Sebarang hubungan dengan Dia akan membawa risiko kepada mereka. Yang dapat mereka lakukan ialah mempersembahkan binatang korban yang tiada cacat celanya. Mereka tidak dibenarkan menyentuh Tabut Perjanjian. Tiada seorang pun dibenarkan masuk Tempat Paling Kudus kecuali Imam Besar. Itupun hanya sekali setahun. Walaupun begitu, mereka akan mengikat tali dengan loceng pada kaki Imam Besar. Jika dia melakukan sebarang kesilapan dan mati di dalam Tempat Paling Kudus, mayatnya dapat ditarik keluar.
5. Sebenarnya, Yesus-lah yang telah mendekatkan Tuhan, menonjolkan peribadi Tuhan kepada orang-orang Yahudi dan kita semua. Yesus-lah yang menunjukkan kepada dunia siapakah Pencipta kita, bagaimana rupa Tuhan.
6. *Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Yohanes 14:5-11.*
7. Yesus sendiri berkata bahawa sesiapa yang telah melihat Dia, telah melihat Bapa kerana Dia sama dengan Tuhan sendiri. Dia berkata bahawa Dia dan Bapa adalah satu.
8. Jadi, jika kita mahu melihat Tuhan, memahami Dia dan mengasihi Dia, kita perlu melihat Yesus sebagaimana yang digambarkan dalam ke empat-empat Injil.



Renungan Firman Tuhan

1. Kamu Sudah Melihat Bapa
 - i. Suruh mereka tetap dalam kumpulan masing-masing.
 - ii. Tuliskan kenyataan-kenyataan berikut di atas papan tulis:
 - Mengampuni dosa
 - Murah hati dan berbelas kasihan
 - Tidak cepat marah
 - Mengasihi semua yang dicipta-Nya

- *Menegakkan semua yang jatuh*
 - *Memenuhi keinginan mereka yang menakuti Dia*
 - *Benar dalam segala yang dilakukan-Nya*
 - *Menegakkan keadilan bagi mereka yang tertindas*
 - *Melihat isi hati manusia*
- iii. Jelaskan bahawa semua kenyataan merupakan rujukan kepada karakter Tuhan yang tercatat dalam Perjanjian Lama. Apa yang harus kita lakukan sekarang ialah melihat Yesus dalam Injil Markus dan perhatikan bagaimana ciri-ciri Tuhan ini tampak dalam diri Yesus.
- iv. Suruh mereka bahagikan bahagian-bahagian berlainan kepada setiap ahli untuk dikaji. Mereka harus teliti bahagian-bahagian tersebut dan perhatikan bahawa Yesus menunjukkan ciri-ciri yang disebut tadi dalam hidup-Nya serta melalui tindaklaku-Nya. Mereka juga boleh memasukkan ciri-ciri yang mereka dapati selain daripada senarai tadi.
- v. Suruh mereka tuliskan pendapat mereka ke atas kertas masing-masing.
- vi. Suruh mereka kongsi sesama mereka bila sudah siap.
- vii. Kemudian seseorang daripada setiap kumpulan kongsikan penemuan kumpulan masing-masing.

Ringkaskan seperti berikut:

1. Yesus adalah gambar yang nyata dari diri Allah (Kolose 1:15, 19; Ibrani 1:3)
 - a. Dalam Perjanjian Lama, kita dapati bahawa karakter Tuhan lebih dicerminkan melalui hubungan-Nya dengan bangsa Israel dan bukan dengan peribadi-peribadi. Hanya seorang watak Perjanjian Lama yang sering memperkatakan tentang hubungan peribadinya dengan Tuhan. Dia adalah Daud.
 - b. Tetapi Tuhan masih 'nun jauh di atas' sementara kita, ciptaan-Nya berada 'di bawah' di atas muka bumi. Memang lebih sukar menghargai peribadi seseorang jika kita belum bersemuka dengannya.
 - c. Tetapi Tuhan tidak membiarkan sahaja hubungan kita dengan Dia terbiar begitu sahaja. Tepat pada masanya, Dia mengutus Yesus supaya kita dapat suatu pandangan tentang siapa Dia. Kita melihat Tuhan dalam 'bentuk' yang dapat kita kenali – iaitu darah daging kita.
 - d. Bila kita baca dalam Perjanjian Lama Tuhan bermurah hati dan berbelas kasihan, dan kita saksikan kehidupan Yesus, barulah kita mengerti apakah sebenarnya murah hati dan

- belas kasihan itu. *Suruh mereka rujuk kepada bahagian-bahagian Alkitab yang telah mereka bincangkan.*
- e. Bila Tuhan mengatakan Dia mengampuni dosa, dan kita lihat Yesus mengampuni dosa mereka yang mungkin kita akan kutuk serta tolak (*rujuk kepada peristiwa-peristiwa yang diutarakan*), barulah bertambah pemahaman kita akan hati Tuhan yang sentiasa mengasihi dan mengampuni.
 - f. *Rujuk kepada senarai di atas papan tulis dan perhatikan bagaimana Yesus telah menyatakan ciri-ciri ini dalam hidup dan tindakan-Nya.*
 - g. *Suruh mereka buka Alkitab kepada Kolose 1:15, 18 dan Ibrani 1:3. Minta seorang membaca ayat-ayat itu.*
 - h. Jadi Rasul Paulus dengan berani mengatakan bahawa Yesus adalah gambar Allah yang tidak kelihatan. Dia merupakan segala-galanya yang ada pada Allah kerana kepenuhan Allah ada di dalam diri Yesus.
 - i. Penulis buku Ibrani mengumumkan hal yang sama dengan cara yang berlainan. Dia mengatakan Yesus adalah cahaya kemuliaan Allah dan perwakilan Allah yang tepat. Ertinya, Yesus adalah salinan tepat Allah sendiri.
 - j. Jadi, jika anda mahu mengenali Allah, anda bermula dengan Yesus. Lihat hidup Yesus dan anda akan melihat bagaimana dan siapa Allah itu – anda akan melihat kelemahan-lembutan-Nya, kasih-Nya, kemurahan hati-Nya, bahawa Dia melihat hati manusia serta segala ciri-ciri Allah yang lain tertera dalam diri Yesus.

2. Yesus Satu Dengan Bapa (Yohanes 14:5-11)

- a. *Suruh mereka buka Alkitab kepada Yohanes 14:5-11. Yesus memberitahu pengikut-pengikut-Nya bahawa jika mereka telah melihat Dia, mereka telah melihat Bapa kerana Dia berada dalam Bapa dan Bapa berada di dalam Dia. Apakah maksud Yesus bila Dia berkata bahawa Dia berada di dalam Bapa dan Bapa berada di dalam Dia? Biar mereka berbincang.*
- b. Yesus bukannya mengatakan bahawa Dia dan Bapa adalah peribadi yang sama. Ada setengah orang yang berpendapat, jika Yesus dan Bapa adalah satu dan sama, bila Yesus berdoa kepada Bapa, Dia sebenarnya berdoa kepada dirinya sendiri!
- c. Maksud Yesus ialah Dia adalah juga Tuhan, sama seperti Bapa. Demikian Allah Bapa, begitulah Yesus. Jadi, bila mereka melihat Yesus, mereka juga melihat Bapa.
- d. Maksudnya juga bahawa Bapa dan Dia begitu bersatu

sehingga apa yang Yesus lakukan di dunia merupakan apa yang dilakukan oleh Bapa melalui diri Yesus. Jadi, bila kita melihat Yesus menjalani hidup-Nya di bumi dan melakukan segala pekerjaan hebat dalam kehidupan mereka di sekeliling-Nya, kita harus sadar bahawa Allah Bapa sendiri, dalam segala kemuliaan-Nya, sedang melakukan hal itu dalam Yesus.

- e. Inilah yang dimaksudkan oleh Alkitab bila ia mengatakan Allah telah menjadi darah daging dan mengambil bentuk manusia dalam diri Yesus Kristus.
- f. Dalam sesi-sesi berikutnya, kita akan melihat bagaimana Yesus menunjukkan kepada kita aspek-aspek Tuhan lain yang agak mengejutkan.



Renungan Peribadi

Potret Wajah Tuhan

1. Sediakan sekeping kertas (beberapa keping jika kumpulan anda besar) dan beberapa batang pen.
2. Berikan sebarang judul yang sesuai, seperti 'Potret Wajah Tuhan', dsb.
3. Suruh mereka meluangkan masa memikirkan apakah perkara baru yang telah mereka pelajari tentang Tuhan melalui kajian mereka mengenai Yesus Kristus.
4. Edarkan kepingan-kepingan kad kecil yang berlainan warna. Suruh mereka salin ayat berikut dan selesaikannya:
Melalui kajian mengenai Yesus, saya telah mendapat/mempelajari ...
5. Kemudian, suruh mereka lekatkan pada kertas yang sudah diberikan kepada mereka awal-awal tadi.
6. Paparkan potret mereka dalam bilik pertemuan mereka sepanjang kajian sesi ini sebagai peringatan kepada apa yang mereka telah pelajari tentang Tuhan.



Doa

Suruh mereka kembali kepada kumpulan masing-masing. Suruh mereka menggunakan masa ini untuk memuji Tuhan, dengan menumpukan perhatian kepada apa yang mereka pelajari tentang Tuhan melalui Yesus. Suruhlah mereka berdoa agar mereka akan hidup mencontohi Yesus – menjadi wajah-wajah hidup yang mencerminkan siapa Allah

Sesi 3 : Rabi Radikal



Objektif-Objektif Sesi

1. Supaya para belia mengetahui bahawa Yesus mengutuk orang-orang Farisi dan guru-guru agama kerana mereka mengenenikan perintah-perintah Allah tetapi sebaliknya mematuhi peraturan-peraturan dan adat tradisi yang ditentukan oleh manusia.
2. Supaya para belia menyedari bahawa Tuhan menyeru mereka supaya hidup mengikuti hasrat hati Dia yang memerintah dan bukan setakat mematuhi peraturan-peraturan dan adat tradisi secara luaran sahaja.
3. Merenung dan memikir dengan mendalam samada terdapat aspek-aspek kehidupan mereka yang hanya semata-mata menunjuk-nunjuk sahaja.



Pencetus Minat /



Aktiviti Bersama

Mari Bertukar Tempat

Tujuan aktiviti ini adalah agar para peserta akan cuba mencari jalan bagaimana bertukar tempat di kerusi dengan mengikuti peraturan-peraturan berikut:

1. Lapan orang sukarelawan dan sembilan buah kerusi diperlukan
2. Bariskan kerusi-kerusi itu sebelah menyebelah satu sama lain di hadapan mereka.
3. 4 orang peserta (kumpulan A) duduk atau berdiri di hadapan empat buah kerusi pertama dan 4 orang lagi peserta (kumpulan B) berdiri di hadapan empat buah kerusi terakhir. Kosongkan kerusi di tengah-tengah.
4. Lebih mudah jika kumpulan A terdiri daripada perempuan sementara kumpulan B terdiri daripada lelaki (atau sebaliknya)
5. Jelaskan bahawa tujuan aktiviti ini ialah supaya kumpulan A bertukar tempat dengan kumpulan B. Namun mereka mesti mengikuti peraturan-peraturan berikut:
 - a. Sesiapa saja boleh bergerak satu tempat menduduki kerusi kosong.
 - b. Ahli kumpulan A boleh bertukar tempat dengan ahli kumpulan B dan sebaliknya.
 - c. Tetapi ahli kumpulan yang sama tidak boleh bertukar tempat.
 - d. Mereka hanya boleh bertukar tempat dengan seorang sahaja setiap kali.

6. Jika mereka tidak dapat lagi bertukar tempat langsung, maka mereka mesti bermula semula. Atau, kumpulan lain boleh mengambil alih.
7. Jika jumlah peserta anda besar, jadikan aktiviti ini suatu pertandingan dengan beberapa kumpulan bermain serentak. Kumpulan yang paling cepat selesai bertukar tempat adalah pemenang.

Interaksi Kelompok

1. Tanya mereka, “Adakah aktiviti bertukar tempat ini senang dilakukan?” Beri mereka peluang menyatakan pendapat masing-masing.
2. Tidaklah terlalu sukar jika anda dapat menguasainya. Pada mulanya, peraturan-peraturan itu agak sukar, bukan?
3. Semua jenis permainan memerlukan peraturan. Jika tidak, akan timbul kekeliruan. Pada masa yang sama, terlalu banyak peraturan akan menjadikan permainan itu terlalu terkongkong dan tidak menyeronokkan.
4. Sebagai contoh, katakanlan anda tidak dibenarkan menyentuh sesiapa bila anda bertukaran tempat, ataupun belakang kerusi sekalipun. Jika sesiapa menyentuh sesiapa atau belakang kerusi, mereka semua harus kembali ke tempat asal masing-masing, maka permainan ini menjadi terlalu sukar, bukan?
5. Peraturan itu merupakan peraturan yang tidak munasabah sekali.
6. Peraturan adalah perlu tetapi terlalu banyak atau terlalu ketat, akan mengurangkan keberkesanan aktiviti itu.
7. Orang-orang Yahudi menghadapi keadaan yang sama pada zaman Yesus. Orang-orang Farisi dan guru-guru agama menekankan bahawa mereka mesti mematuhi Taurat, lima buku pertama kitab Perjanjian Lama orang Yahudi, serta segala peraturan dan tradisi dalam Tradisi Lisan.
8. Tradisi Lisan pada mulanya merupakan ajaran-ajaran lisan rabi-rabi untuk menjelaskan lagi ajaran-ajaran Tuhan dalam Taurat. Ini disebabkan kerana orang-orang Yahudi takut mereka akan melanggar sebarang perintah Tuhan.
9. Sebagai contoh, dalam Imamat 23:40, diperintah supaya mengambil buah-buahan terpilih serta ranting-ranting berdaun dan bersorak gembira di hadapan Allah. Yang menjadi pertanyaan ialah apakah jenis buah-buahan dan ranting-ranting berdaun yang dimaksudkan dan bagaimana mereka harus bersorak gembira dengan menggunakan bahan-bahan tersebut. Akibatnya, banyak peraturan telah ditambah untuk menjawab soalan-soalan sebegini.

10. Perlahan-lahan, Tradisi Lisan dengan peraturan-peraturan serta adat-adatnya mula mengambil peranan yang lebih penting daripada Taurat, khususnya bagi pihak orang-orang Farisi serta guru-guru agama.
11. Bagi orang-orang Farisi khususnya, satu-satunya cara menjadi suci di hadapan Tuhan ialah dengan mematuhi semua tradisi. Oleh kerana kebanyakan orang-orang Yahudi tidak dapat mematuhi segala peraturan yang ditentukan, mereka dianggap orang-orang berdosa. Orang-orang Farisi pula menjauhi mereka.
12. Dalam sesi hari ini, kita akan melihat bagaimana Yesus menunjukkan kepada umat-Nya apa sebenarnya yang dikehendaki oleh Tuhan bila mereka cuba mengikuti hukum-hukum-Nya.



Renungan Firman Tuhan

Ringkaskan seperti berikut:

1. Hukum-hukum Manusia

Bagaimana guru-guru agama dan orang-orang Farisi mentafsiran hukum-hukum Tuhan? (*Biarlah mereka memberi pendapat masing-masing*)

- a. Mereka hanya mementingkan hukum-hukum yang ditentukan.
 - i. Yang penting bagi mereka ialah mematuhi secara luaran, apa yang ditetapkan oleh hukum (*Markus 7:3-5*)
 - ii. Bagi mereka, kesucian dan kesalehan cuma hal-hal luaran. Yang penting ialah mematuhi ketat semua peraturan dan adat.
- b. Mereka mentafsirkan hukum secara harafiah/legalistik.
 - i. Mereka tidak hiraukan sama ada orang akan menderita atau tidak dilayan dengan adil asalkan mereka menetapi peraturan-peraturan dan tradisi yang ditetapkan.
 - ii. Mereka ditegur oleh Yesus kerana bersikap legalistik dan menumpukan perhatian kepada hukum-hukum dan tradisi yang remeh-temeh sehingga mereka lupa apa yang terutama dalam hukum-hukum Tuhan iaitu bersimpati dan berbelas kasihan serta berlaku adil kepada semua (*Markus 3:4-5; Matius 23:23*).
- c. Mereka munafik
 - i. Yesus mengatakan mereka adalah munafik kerana mereka tidak mengamalkan apa yang mereka ajar (*Matius 23:3*). Semua yang mereka lakukan ialah untuk mendapatkan pujian orang lain.
 - ii. Mereka hanya menghormati Tuhan dengan bibir tetapi tidak dengan hati mereka (*Markus 7:6-7*). Mereka nampaknya alim

kerana mengikuti segala hukum tetapi sebenarnya, mereka penuh dosa dan kejahatan.

2. Hukum-hukum Tuhan

- a. Tumpuan pada erti hukum
 - i. Yesus sentiasa menentang guru-guru agama dan orang-orang Farisi kerana mereka terlalu legalistik dan kemunafikan. Dia menuduh mereka mengenyepikan hukum Tuhan dan berpegang erat kepada tradisi ciptaan mereka sendiri.
 - ii. Tradisi mereka tertumpu pada tingkahlaku luaran. Maksud dan inti sebenar hukum-hukum Tuhan tidak penting bagi mereka. Oleh sebab mereka mengajar bahawa hanya dengan menepati semua peraturan barulah dapat mencapai kesucian di depan Tuhan, mereka telah menghalang golongan biasa mendekati dan mengenali Tuhan.
 - iii. Yesus mengajar bahawa makna dan niat hukum Allah-lah yang lebih penting. Dalam kes Hari Sabat, tujuan Allah yang sebenar adalah rehat bagi umat-Nya tetapi ini tidaklah bermakna perbuatan baik dan kemurahan tidak boleh dilakukan (*Markus 3:4-5*). Kan Allah sendiri adalah Allah yang murah hati dan pengasih?
 - iv. Hukum-hukum Allah bagi umat-Nya tidak bermaksud mengikat tetapi membebaskan. *Suruh mereka buka Alkitab kepada Yohanes 8:31-32. Minta seorang membacanya.*
- b. Tumpuan kepada kesucian dalaman
 - i. Yesus mengatakan bahawa bukan sekadar membersihkan diri menurut upacara-upacara tertentu atau mematuhi hukum secara luaran yang menyucikan mereka di mata Allah. Semua itu cuma amalan-amalan luaran sahaja.
 - ii. Apa yang lebih penting ialah aspek dalaman – dengan itu Dia menampakkan kepura-puraan guru-guru agama dan orang-orang Farisi. Mereka mengutamakan hal-hal luaran tetapi langsung tidak berperasaan, tiada kasih dan pengadilan (*Matius 23:5-7; 25-28*).
 - iii. Menurut Yesus, walaupun hukum-hukum Tuhan dilanggar, kita masih boleh menunjukkan kemurahan dan kasih simpati. Dia mengampuni perempuan yang berzinah – bukan seperti guru-guru agama dan orang-orang Farisi yang menghakiminya (*Yohanes 8:10-11*).
 - iv. Yesus menunggang-balikkan pemahaman orang-orang Yahudi tentang hukum-hukum Tuhan. Dia menunjukkan kepada mereka bahawa mengikuti hukum-hukum Tuhan melibatkan cara hidup yang berbelas kasihan dan kasih-mengasihi, dan bukannya

sekadar mematuhi peraturan-peraturan luaran yang ditentukan.

3. Peribadi Tuhan

- a. Bayangkan diri anda, seorang bangsa Yahudi yang hidup dalam zaman Yesus. Sekian lama anda diajar supaya mematuhi semua peraturan dan adat berkaitan dengan Hukum Musa. Tetapi sekarang anda berdepan dengan seorang guru yang mengajar sesuatu yang sungguh berbeza. Dia tidak berkelakuan seperti pemimpin-pemimpin agama lain. Apakah agaknya tindak balas anda terhadap Dia?
- b. *Benarkan mereka berbincang dan meluahkan pendapat masing-masing.*
- c. Adakah sukar untuk membayangkan Yesus adalah Allah sendiri? Dapatkah anda bayangkan Tuhan yang memarahi golongan pemimpin agama, iaitu pendeta-pendeta serta pengajar-pengajar sekolah Alkitab zaman kita, kerana mereka kepura-puraan dan mengajar hal-hal yang salah?
- d. Itulah yang dilakukan oleh Yesus. Dalam pandangan kita, Yesus adalah lemah lembut, tidak pernah meninggikan suara-Nya atau memarahi sesiapa. Namun di sini, kita saksikan Yesus menentang pihak Farisi dan guru-guru agama atas kepura-puraan mereka.
- e. Bertentangan dengan mereka, Yesus mengamalkan apa yang Dia ajar. Dia bukan sahaja mengajar tentang peraturan-peraturan dan hukum-hukum yang harus dipatuhi yang semuanya hanya dapat dilihat. Tetapi Dia hidup menurut niat hukum-hukum Allah, bukan sekadar peraturan dan tradisi luaran sahaja.
- f. Hidup-Nya benar – Dia tidak mengajar tentang kasih simpati tanpa membuktikannya dalam hidup-Nya sendiri; Dia tidak memperkatakan kemurahan Tuhan dan pengampunan-Nya dan kemudian mengutuk orang kerana dosa mereka.
- g. Yesus bukannya mengikuti sesuatu agama. Melalui hidup-Nya, Dia menampakkan kemurahan, kasih serta keadilan Tuhan. Dia menjadi teladan bagi kita. Kita harus hidup sebagai anak-anak Tuhan meneladani Yesus. Kita hidup bukannya untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain betapa alim dan salehnya kita.
- h. *Suruh mereka bincangkan apa yang dianggap paling “palsu” atau “kepura-puraan” orang Kristian dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha menjadi orang Kristian yang benar, yang tidak kepura-puraan.*



Renungan Peribadi

1. Galakkan mereka untuk melakukan “Pemeriksaan Virus” dalam kehidupan mereka.
2. Bila mereka sudah selesai melakukannya, suruh mereka berpasangan.
3. Kongsikan kepada pasangan mereka apa yang sudah dicatatkan tentang diri masing-masing. Kemudian doakan satu sama lain agar Tuhan akan mengabulkan kerinduan hati mereka agar hidup masing-masing akan membayangkan karakter dan kebenaran Tuhan – bukan hanya sekadar tindak laku luaran yang alim dan saleh.



Doa

Akhiri sesi dengan mendoakan para peserta. Mohon Tuhan membantu mereka bertumbuh matang dalam kehidupan saleh yang akan mencerminkan siapa Tuhan; dan mereka akan menjadi suluh terang yang menunjukkan jalan kepada orang lain untuk mendekati Tuhan.

Sesi 4 : Sahabat Sejati Orang-Orang Berdosa



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa kebanyakan orang merasakan diri mereka alim dan saleh bila berbanding dengan mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti tidak bermoral atau kegiatan-kegiatan yang dipandang hina. Mereka juga cenderung menghakimi orang-orang sedemikian.
2. Mengetahui bahawa Allah mengasihi dan menerima mereka yang menyedari bahawa mereka memerlukan Tuhan tidak kira betapa berdosa mereka.
3. Mendalami apa yang ingin diajar oleh Tuhan tentang sikap mereka baik terhadap diri sendiri mahupun mereka yang cenderung kita hakimi.



Aktiviti Bersama

Tujuan aktiviti ini ialah supaya para peserta mengenalpastikan siapa/ golongan mana mereka tidak suka bergaul serta tidak diterima sebagai kawan.

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang ahli sekumpulan.
2. Suruh mereka catatkan dua senarai: satu, nama kawan-kawan yang akan mereka jemput; dan satu senarai lagi, nama-nama mereka yang pada kebiasaannya tidak akan dijemput tetapi yang harus dijemput kali ini atas desakan ibu.
3. Pada senarai kedua, suruh mereka catatkan di sebelah nama-nama tersebut, sebab mereka tidak mahu menjemput orang tersebut.
4. Suruh mereka kongsikan dalam kumpulan masing-masing sebab-sebab mereka. Mereka tidak perlu menyatakan nama-nama yang tertulis, hanya sebab-sebabnya sahaja.



Interaksi Kelompok

1. Sememangnya lazim kita bergaul dengan orang-orang yang kita suka serta senang mesra dengan kita.
2. Biasanya, kita tidak berapa menghiraukan mereka yang kita tidak suka atau mereka yang berlainan daripada kita. *Rujuk kepada beberapa sebab yang mereka telah berikan awal tadi.*
3. Antara sebab-sebabnya mungkin perbezaan pandangan atau

cara hidup atau tindak laku. Ada kalanya disebabkan oleh sesuatu sikap orang tersebut yang mengganggu kita. Mungkin pula kita tidak ada apa-apa kesamaan.

4. Namun demikian, ada masanya kita tidak menerima seseorang itu kerana kita memandang rendah terhadap mereka atau tingkahlaku mereka. Kita berpendapat mereka tak setaraf kita dan tidak layak menerima layanan kita.
5. Dalam masyarakat, pastinya ada kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak diterima umum dan terbiar sahaja. *Biarkan mereka bincangkan siapakah golongan-golongan orang ini dan apakah tindak balas kebanyakan orang terhadap mereka.*
6. Dalam sesi ini, kita mahu melihat bagaimana Yesus memandang orang-orang sebegini – mereka-mereka yang tidak diterima, serta tidak akan didampingi. Kita mahu mempelajari daripada Yesus sendiri dan bagaimana kita dapat mencontohi-Nya ketika bergaul dengan orang-orang sebegini.



Renungan Firman Tuhan

Persiapan:

1. Bahagikan setiap kumpulan kepada dua bahagian. Bahagian pertama baca ayat-ayat Alkitab yang pertama manakala bahagian kedua akan membaca ayat ayat Alkitab yang kedua.

Markus 2:13-17

Lukas 7:36-50

2. Suruh mereka baca bahagian tersebut dalam kumpulan masing-masing. Kemudian suruh mereka kenalpastikan apa yang mereka pelajari tentang:

- *Watak utama dalam bahagian-bahagian itu*
- *Tindak balas-tindak balas mereka atau orang itu (dalam Injil Lukas) terhadap watak ini*
- *Tindak balas Yesus terhadap watak ini*

3. Suruh setiap kumpulan kongsi apa yang mereka temui.
4. Catatkan pemerhatian mereka di atas papan tulis.

Penjelasan:

1. 'Orang Berdosa'

a. Tindak balas Umum – Penolakan

- i. Orang yang bagaimanakah Lewi dan wanita itu?
- ii. Tentu sekali bukan golongan sebegini yang menjadi pilihan ibu bapa menjadi rakan pergaulan anda.
- iii. Lewi merupakan orang yang dibenci oleh umat Yahudi. Dia pengumpul cukai. Para pengumpul cukai dipulau oleh masyarakat umum, mereka dijauhi dan tidak diterima oleh

bangsa sendiri. Mereka dianggap bekerjasama dengan pihak Roma yang amat dibenci oleh orang-orang Yahudi. Mereka menjadikan hidup orang-orang Yahudi menderita kerana mengenakan cukai yang tinggi, yang kebanyakannya masuk saku sendiri.

- iv. Oleh itu, para pengumpul cukai tersingkir oleh masyarakat kerana mereka dianggap tidak beretika, terima rasuah dan membelot bangsa sendiri.
- v. Pada pendapat anda, siapa lagi 'orang-orang berdosa' yang turut disebut? (*Biarlah mereka memberi respon*).
- vi. Mereka adalah orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang dianggap berdosa atau salah di mata Tuhan oleh orang-orang Yahudi. Termasuklah orang-orang yang bekerja dengan pihak Roma, penzina-penzina, pelabur-pelacur, pencuri-pencuri serta mereka yang tidak mengikut hukum-hukum Taurat menurut peraturan orang-orang Farisi.
- vii. Kemungkinan besar 'wanita berdosa' dalam Injil Lukas 7 merupakan seorang pelacur. Di mata dunia, dia merupakan seseorang yang melakukan sesuatu yang salah. Pada hari ini juga, pelacur-pelacur dianggap tidak bermoral dengan cara hidup yang berdosa.
- viii. Suruh mereka bincangkan golongan apakah hari ini yang dianggap sama dengan para pengumpul cukai dan orang-orang berdosa zaman Yesus?

b. Tindak balas anda?

- i. Rujuk kepada golongan orang yang disebut tadi yang disingkir oleh masyarakat. Apakah perasaan anda terhadap orang-orang ini? Adakah anda menghadapi sebarang masalah bergaul dengan mereka? (*Biarlah mereka memberi respon masing-masing*).
- ii. Adakah di antara anda di sini yang terasa tersingkir dan dihakimi seperti pengumpul cukai serta 'orang-orang berdosa'? Adakah anda melakukan kesalahan yang anda sesali dan merasa sangat bersalah? *Berikan masa mereka merenung dan memikirkan hal ini.*
- iii. Kita menerima galakan dalam memperhatikan tindak balas Yesus terhadap orang-orang ini kerana ianya sungguh berlainan. Dunia mungkin memandang rendah dan tidak menerima orang-orang sebegini tetapi tidak demikian dengan Yesus. Dia tidak menghakimi tetapi sebaliknya mengampuni serta menerima mereka seadanya.

2. Yang “Saleh”

a. Sikap mereka – kemunafikan

- i. Apakah tindak balas orang-orang Farisi terhadap Yesus makan bersama-sama Lewi dan rakan-rakannya? (*Biar mereka memberi respon masing-masing*).
- ii. Jelas sekali mereka tidak gembira dan marah dengan tindakan Yesus. Orang-orang Farisi menganggap para pengumpul cukai dan mereka yang bergaul dengan mereka sebagai orang-orang berdosa, iaitu orang-orang yang tidak akan diterima oleh Tuhan kerana dosa-dosa mereka.
- iii. Mereka percaya kebenaran di mata Tuhan berdasarkan kepatuhan teliti kepada hukum-hukum Tuhan khususnya tradisi-tradisi lisan. Oleh sebab mereka mengikuti setiap hukum dan tradisi dengan berhati-hati, maka mereka menganggap diri mereka benar dan alim, lantas mereka memandang rendah orang-orang ‘berdosa’ dan tidak pernah bergaul dengan mereka. Bagi mereka, tidak ada tempat dalam kerajaan Tuhan bagi golongan ini.
- iv. Kita dapat menyaksikan reaksi yang sama terhadap wanita berdosa itu. Orang Farisi tersebut akan merasa tercemar jika wanita itu menyentuhnya. Jadi pada sangkaannya, Yesus juga akan memberikan reaksi yang sama.

b. Sikap anda?

- i. Adakah anda bertindak balas sedemikian terhadap setengah-tengah orang? *Rujuk kepada golongan-golongan yang telah mereka sebut awal tadi dalam kegiatan Pencetus Minat.*
- ii. Mengapa agaknya, terutama sekali orang-orang Kristian, mendapati begitu senang sekali merasa diri masing-masing adalah lebih benar dan lebih alim berbanding orang lain? *Biar mereka berbincang.*

3. Pengampun

a. Dia meneliti hati kita

- i. Pada pendapat anda, mengapa Yesus memanggil Lewi mengikuti-Nya, pada hal tidak mungkin seorang rabi yang dihormati akan bergaul dengan seorang pemungut cukai? *Beri mereka masa untuk berbincang.*
- ii. Kemungkinan besar Lewi pernah mendengar ajaran-ajaran dan telah menyaksikan perbuatan-perbuatan Yesus. Didapatinya Yesus berbeza daripada para rabi yang lain. Bukan sahaja Dia menyatakan kuasa Tuhan tetapi Dia turut menunjukkan kasih simpati dan kemurahan hati kepada semua

yang datang kepada-Nya.

- iii. Ketika Yesus memandang Lewi, Dia melihat jauh mengatasi tindaklaku dan cara hidupnya. Kemungkinan Dia nampak hati Lewi – yang sedar bahawa dirinya seorang berdosa dan rindu sekali mahu diperdamaikan dengan Tuhan. Jadi, Yesus menghulurkan jemputan supaya menjadi pengikut-Nya.
- iv. Bagaimanakah perasaan Lewi? *Beri peluang mereka memberi pendapat.*
- v. Kita tidak akan tahu. Kita hanya dapat meneka Lewi tentu sekali amat terharu dengan kasih Yesus dan penerimaan-Nya. Pada fikirannya, dia sudah tidak ada lagi harapan diterima oleh Tuhan kerana menurut semua guru-guru agama, dia seorang yang berdosa. Tetapi sekarang, dia berdepan dengan kebenaran kasih dan penerimaan Tuhan terhadapnya.
- vi. Bagaimana Yesus bertindak balas terhadap wanita berdosa itu walaupun Dia mengetahui cara hidupnya yang berdosa? *Beri peluang mereka memberi pendapat.*
- vii. Sekali lagi, pandangan Yesus bukan pada apa yang tampak pada mata kasar tetapi pada hatinya. Tindakannya membuktikan bahawa dia merasa amat sedih, malu dan menyesal. Orang-orang seperti dia sering memikul beban rasa malu. Mereka berasa diri mereka tidak cukup baik, tidak layak menikmati hidup yang bahagia. Ditambah lagi bila berdepan dengan orang-orang yang bersikap suka menghakimi orang lain. Lebih-lebih lagi mereka berasa 'kotor'.
- viii. Tetapi Yesus menunjukkan kasih simpati kepada dia. Dia diberi keyakinan bahawa dosa-dosanya telah diampuni dan sekarang dia dapat hidup bebas tanpa rasa malu atau bersalah. Cuba bayangkan bagaimana perasaan dia apabila mendengar kata-kata ini!

b. Dia menerima kita walaupun tiada apa-apa yang baik dalam diri kita

- i. Keadaan yang sama terjadi di mana sahaja seperti yang tercatat dalam Injil (*Matius 9:9-10; Lukas 7:34; 15:1-2; 19:9-10*). Yesus bergaul bebas dengan mereka yang tidak diterima oleh orang-orang Farisi dan guru-guru agama. Mereka pula gembira sekali menjemput Yesus makan bersama-sama kerana mereka merasa tidak dihakimi oleh Yesus.
- ii. Berlainan dengan orang-orang Farisi yang menganggap diri

mereka saleh dan alim, Yesus tidak memandang sahaja dan menghakimi; tidak menunggu sampai mereka menjadi saleh dan alim baru Dia menerima dan mengasihi mereka.

- iii. Orang-orang Farisi, dengan sikap mereka itu tidak menyambut atau menghulurkan sebarang bantuan kepada mereka yang dianggap berdosa. Mereka menutup jalan kepada Tuhan.
- iv. Tetapi Yesus datang dan menunggang-balikkan pandangan mereka tentang Tuhan. Dia menunjukkan kepada mereka bahawa Tuhan berlainan. Yesus berkata bahawa Dia datang menyambut mereka yang rendahkan diri dan sedar mereka perlukan pengampunan. Dia datang bukan untuk mereka yang menganggap diri masing-masing cukup baik dan tidak memerlukan Tuhan.
- v. Tuhan tidak menutup pintu kepada orang-orang berdosa; tidak kira betapa berdosanya mereka. Sebenarnya, Tuhan menjemput mereka yang menyedari kedosaan mereka. Dalam hati Tuhan, ada tempat bagi orang-orang berdosa sebegini.

c. Dia menyeru supaya kita menjadi seperti Dia

- i. *Rujuk kepada perbincangan-perbincangan yang sudah dibuat dalam sesi 'Orang-orang Berdosa' dan 'Orang-orang Yang Benar'. Suruh mereka bincangkan bagaimana mereka boleh mencontohi Yesus dalam kehidupan mereka.*
- ii. Seperti Paulus, kita harus selalu mengingatkan diri sendiri bahawa kita adalah orang-orang berdosa, yang langsung tidak layak menerima kasih Tuhan. Namun Tuhan tetap mengasihi walaupun tiada apa-apa yang baik dalam diri kita. Ketika kita masih berdosa, Kristus datang dan mati untuk kita.
- iii. Dengan kesedaran ini bahawa Tuhan tetap mengasihi kita walaupun kita tidak layak, dapatlah kita juga mengasihi dan menerima mereka yang sukar dikasihi.



Renungan Peribadi

1. Galakkan mereka menjawab soalan-soalan yang ada pada **"Pertembungan Segar dengan Yesus"**
2. Bila mereka sudah selesai, suruh mereka kongsikan apa yang sudah mereka tuliskan.

Sesi 5 : Hamba Yang Menderita



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Yesus membuat pilihan untuk hidup seperti mereka dan menderita sehingga akhirnya Dia mati di atas kayu salib demi mereka.
2. Mengetahui bahawa Tuhan menggunakan yang lemah dan yang tidak berpengharapan untuk menyempurnakan semua pekerjaan-Nya.
3. Menyedari bahawa Yesus sendiri pernah menderita, maka Dia berupaya membantu mereka dalam penderitaan mereka.
4. Merenungi apa yang sudah dicapai oleh Yesus bagi mereka dan bagaimana mereka harus bertindakbalas terhadap Tuhan ketika mengharungi kesukaran-kesukaran dan penderitaan mereka.



Aktiviti Bersama

1. Suruh setiap pasangan menyelesaikan teka-teki ini. Suruh mereka cari pola umum kepada jawapan mereka.
2. Jawapannya adalah: Untuk sampai ke luar, nyamuk memerlukan bentuk yang mempunyai tepi yang berjumlah ganjil – segi tiga, segi lima dan segi tujuh. Oleh sebab ia bermula dari dalam, maka ia harus melintasi tepi berjumlah ganjil untuk sampai ke luar.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah sukar menyelesaikan teka-teki tadi? (*Biarlah mereka memberi respon masing-masing*).
2. Sebenarnya, yang perlu hanya pemikiran logik untuk mendapatkan jawapannya.
3. Semua teka-teki berunsur matematik ini biasanya dapat diselesaikan sebegini kerana terdapat pola umum yang logikal memahami serta menyelesaikannya.
4. Dalam hidup, kita juga melakukan banyak perkara kerana ia logikal dan masuk akal. Sebagai contoh, jika hujan, tentu sekali kita akan membawa payung. Lainlah kalau anda memang suka berjalan dalam hujan.
5. Kebanyakan masa kita tidak akan menentang logik atau sesuatu yang bertentangan dengan tindakan yang biasa dan logikal

- kecuali jika kita mahu melakukan sesuatu yang tidak masuk akal!
6. Bila Tuhan mengutus Yesus Anak-Nya dengan mengenepikan kemuliaan-Nya untuk menjadi manusia, Dia telah melakukan sesuatu yang menentang logik dan pemikiran manusia. Mengapa Tuhan harus menjadi manusia?

B. Yesus: Hamba yang Menderita

Pementasan Semula

1. Bahagikan para peserta kepada tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan membincangkan salah satu bahagian Alkitab atau set Alkitab yang berikut:
 - Matius 26:57-68; Markus 14:53-65*
 - Matius 27:11-31*
 - Matius 27:32-44*
3. Suruh mereka baca bersama bahagian masing-masing dengan menumpukan perhatian kepada reaksi-reaksi orang ramai terhadap Yesus. Sambil mereka membaca, bayangkan keadaan ketika itu. Cuba mereka tempatkan diri masing-masing dalam kumpulan-kumpulan orang yang sedang berdepan dengan Yesus. Cuba mereka bayangkan apa agaknya perasaan mereka terhadap Yesus. Apakah yang mereka katakan kepada Dia selain daripada apa yang sudah tercatat dalam Injil?
4. Kemudian suruh mereka pentaskan keadaan yang sudah mereka bacakan tadi – lakonan selama 5 minit. Mereka bebas menggunakan dialog sendiri selagi tidak berlainan daripada makna teks asal.
5. Kemudian suruh setiap kumpulan mementaskan drama masing-masing menurut urutan teks dalam Injil Matius.
 - *Di hadapan pihak Mahkamah Agama (Matius 26:57-68; Markus 14:53-65)*
 - *Di hadapan Pilatus dan pengawal-pengawalnya (Matius 27:11-31)*
 - *Di hadapan khalayak umum (Matius 27:32-44)*

Kemudian ringkaskan seperti berikut:

1. **Yesus Memilih Jalan Penderitaan** (Yesaya 53:7-11; Ibrani 2:18)
 - a. Kita tidak akan sekali-kali mengetahui betapa teruknya penderitaan yang dialami oleh Yesus akibat penderaan fizikal serta kata-kata keji yang dilemparkan kepada-Nya.
 - b. Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus tidak melawan, sama ada dengan marah atau benci.

- c. *Suruh mereka buka Alkitab kepada Yesaya 53:7-11. Minta seorang membacakannya.*
- d. *Adakah seseorang manusia yang waras otaknya akan membuat pilihan secara sukarela untuk menderita atau membiarkan anak-anak mereka menderita demi orang lain yang langsung tidak layak menerima kasih simpati? (Beri mereka masa untuk berbincang dan memberi respon).*
- e. *Namun Alkitab memberitahu kita bahawa memang kehendak Tuhan agar Yesus memilih jalan penderitaan. Sepanjang 33 tahun kehidupannya, Yesus mengharungi kemiskinan, penolakan, ejekan dan kejian serta pembelotan. Dia turut mengalami kesakitan – bagaimana rasanya ditampar di muka; disebat sehingga daging-Nya turut tercabut.*
- f. *Mengapa Yesus harus memilih penderitaan? Beri mereka masa untuk berbincang.*
- g. *Dia harus bertembung dengan kejahatan sebagai manusia; Dia harus mengerti kasih simpati manusia bagi manusia; Dia harus mengampuni dosa dengan memikul dosa-dosa kita.*
- h. *Suruh mereka buka Alkitab kepada Ibrani 2:18. Baca ayat itu kepada mereka.*
- i. *Buku Ibrani memberitahu kita bahawa melalui penderitaan-Nya, Yesus berupaya memahami kelemahan dan penderitaan manusia. Tuhan mendengar doa-doa kita melalui Yesus dalam cara baru, kerana Dia telah menjalani hidup di bumi dan menderita sebagai seorang manusia yang lemah. Dia mengerti dan merasakan kehidupan sebagai manusia seperti kita.*
- j. *Jadi, tidak ada seorang pun yang harus mengatakan bahawa Tuhan tidak mengerti. Tidak kira betapa dahsyatnya penderitaan yang kita lalui, kita tahu bahawa Yesus pernah melaluinya. Dia sudah pun melalui pengalaman yang paling dahsyat.*

2. Yesus Memilih Jalan Kayu Salib (Yesaya 53:4-6, 10-11; Ibrani 5:7-10)

- a. *Jalan penderitaan Yesus berakhir di kayu salib. Suruh mereka buka Alkitab kepada Ibrani 5:7-10.*
- b. *Penulis Buku Ibrani memberitahu kita bahawa Yesus belajar kepatuhan melalui penderitaan-Nya. Oleh sebab itu, Dia disempurnakan dan menjadi sumber keselamatan kita.*
- c. *Itulah tujuan mutakhir Tuhan bagi Yesus – bahawa Dia akan menderita demi dosa-dosa kita dan melalui luka-lukanya, Dia akan menyembuhkan kita (Yesaya 53:5). Luka-luka Yesus-lah, bukan mukjizat-mukjizat-Nya, yang mengalahkan maut, memenangi setan dan membawa kita ke dalam kerajaan Tuhan sebagai anak-anak-Nya.*

- d. Melalui kepatuhan-Nya dalam penderitaan demi manusia, demi kita, Tuhan menjadikan tindakan paling dahsyat dalam sejarah manusia, kematian Anak-Nya di atas kayu salib, mengubahnya menjadi satu kemenangan besar bagi kita.
- e. Walaupun kayu salib merupakan puncak penderitaan Kristus, namun ia merupakan tumpuan kemurahan hati Tuhan kepada kita. Dunia menggunakan kekuatan untuk mencapai kemenangan tetapi Tuhan menggunakan kelemahan dan penderitaan untuk mencapai tujuan-tujuan-Nya.
- f. Yesus memberitahu Paulus dalam 2 Korintus 12:9 bahawa kuasa-Nya disempurnakan dalam kelemahan kita kerana kemurahan Tuhan mencukupi. Dengan lain perkataan, Paulus berupaya mengakui, demi Yesus, dia bersuka menghadapi kelemahan dan penderitaan kerana ketika itulah, Tuhan menjadikan dia kuat.
- g. Jika Tuhan berupaya mengubah peristiwa yang begitu dahsyat dan penuh kekecewaan, menjadikannya suatu peristiwa yang membawa kemenangan dan dipenuhi harapan, bagaimana mungkin Dia tidak melakukan hal yang sama dengan kegagalan-kegagalan serta kekecewaan kita?
- h. Hal-hal yang membuat kita merasa begitu tidak berupaya atau yang tidak berpengharapan, hal-hal yang sama itulah yang akan Tuhan gunakan dalam pekerjaan-Nya. Dalam kelemahan dan penderitaan kita, Tuhan membantu kita dan memuliakan Diri-Nya sendiri.
- i. Penderitaan Yesus, yang memuncak dengan kematian-Nya mencapai tiga perkara bagi kita:
 - 1. Ia menghasilkan pendamaian dalam perhubungan kita dengan Tuhan agar kita dapat masuk hadirat Tuhan dengan berani.
 - 2. Ia menghasilkan harapan bagi semua kegagalan dan penderitaan kita kerana Yesus pernah melalui semuanya itu. Dia memahami dan akan mengurniakan kemurahan-Nya agar kita juga dapat mengharungi kerana Dia merayu di depan Allah Bapa demi kita.
 - 3. Ia menjadi teladan kita. Yesus membuktikan bahawa jika kita hidup menuruti Tuhan, sering kali kita akan mengalami penderitaan. Kita tidak harus melarikan diri, tetapi dengan rela hati, akur menerimanya sebagaimana Yesus menerima penderitaan-Nya dan dengan itu, memenuhi tujuan-tujuan Tuhan bagi diri kita.
- J. Suruh mereka bincangkan apakah makna penderitaan bagi diri mereka dalam mencontohi Yesus dan apakah tindak balas

masing-masing.



Renungan Peribadi A. Sebagai Respon

1. Beritahu para peserta bahawa anda akan membimbing mereka untuk membuat respon kepada Tuhan sebagai tindak balas terhadap apa yang telah dilakukan oleh Yesus dalam penderitaan-Nya bagi mereka.
2. Suruh mereka fikir dan renungkan hal-hal berikut satu per satu, nyatakan respon masing-masing dalam doa kepada Tuhan:
 - * *Suruh mereka renungkan: Yesus memilih jalan penderitaan dan mati dengan cara yang paling dahsyat demi menyelamatkan mereka. Setelah merenungi, suruh mereka memberi respon dengan cara mengucapkan terima kasih dan syukur kepada Tuhan.*
 - * *Suruh mereka fikirkan mana-mana penderitaan atau kegagalan dalam hidup mereka, atau situasi di mana mereka merasa sungguh kecewa, tanpa harapan. Bacakan 2 Korintus 12:9-10 kepada mereka. Kemudian suruh mereka menyatakan pergumulan-pergumulan mereka itu kepada Tuhan dan serahkan semua itu ke dalam tangan Tuhan, mempercayai bahawa Tuhan akan memberi harapan dan kemenangan.*
 - * *Suruh mereka fikirkan keadaan-keadaan yang sedang atau akan hadapi di mana mereka harus membuat pilihan sama ada mengikuti Tuhan dan menerima akibatnya atau memilih jalan sendiri dan melepaskan diri daripada penderitaan. Suruh mereka berterus terang membawakan respon masing-masing kepada Tuhan.*

B. Galakan Pengakhiran

Bacakan Ibrani 12:1-3 kepada mereka. Ingatkan para peserta bahawa Yesus telah mendahului mereka, bukan sahaja sebagai Pembela di hadapan Tuhan Bapa tetapi juga sebagai Teladan mereka. Dia menjadi contoh bagaimana mengharungi hidup beriman yang sering kali melibatkan penderitaan dan kesukaran. Galakkan mereka supaya tetap menumpukan pandangan kepada Yesus ketika melalui masa-masa yang mencabar agar mereka tidak lelah dan berputus asa.



Doa

(lihat Lembar Kerja Peserta)

Sesi 6: Tuhan Allah Yang Pengasih



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Tuhan-lah, dalam kasih-Nya yang mengusahakan pendamaian kita dengan Dia. Dia amat bersukacita bila kita mengakui dan mengenali-Nya.
2. Menyedari bahawa Yesus memperlihatkan serta menyatakan kasih Tuhan dengan sepenuhnya. Yesus datang untuk mengasihi dan mati demi mereka agar mereka dapat kembali ke pangkuan Tuhan.
3. Mengesahkan kasih Tuhan yang mengagumkan dengan menulis satu perumpamaan menyatakan kasih Tuhan terhadap mereka dan manusia sejagat.



Aktiviti Bersama Apakah Yang Akan Anda Lakukan?

1. Tujuan aktiviti ini ialah untuk melihat apakah reaksi-reaksi para peserta bila mereka menghadapi hasutan orang
2. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
3. Suruh mereka bincangkan apakah reaksi mereka dan apa agaknya yang akan mereka lakukan. Kemudian, suruh beberapa orang mengongsikan respon mereka.

' Penjelasan:

1. Dalam situasi begini, memang sukar berlemah lembut, bukan? (*Biar mereka memberi respon masing-masing*).
2. Memang lumrah kita akan bertemu dengan orang-orang yang mementingkan diri atau yang keji. Mereka tidak kisah apa yang mereka lakukan asal dapat apa yang mereka mahu.
3. Disebabkan oleh dosa, kita seringkali akan membalas tindakan negatif sedemikian dengan cara yang sama.
4. Dunia penuh dengan 'ketidak-lemahlembutan' – orang tidak ambil berat akan orang lain; ramai yang miskin dan menderita tetapi kebanyakan orang tidak ambil peduli.
5. Tuhan datang ke dunia sebegini untuk menyatakan bahawa Dia mengasihi. Dalam hidup Yesus, kita melihat sinaran harapan bahawa Tuhan, Pencipta kita, memang ambil berat.
6. Inilah yang akan kita lakukan dalam sesi ini – mempelajari tentang Tuhan Allah yang Pengasih.



Renungan Firman Tuhan

Ringkaskan seperti berikut:

1. Pencarian yang sungguh-sungguh

- a. Jika anda kehilangan sesuatu yang tidak berapa mustahak atau bernilai, adakah anda akan mencari sepuas-puasnya? (*Biar mereka memberi respon masing-masing*). Hanya apabila kita kehilangan sesuatu yang amat bernilai barulah kita akan mencari dengan cemas.
- b. Dalam kedua-dua perumpamaan, Yesus menggambarkan keadaan yang sama. Gembala dan perempuan itu tidak akan mencari-cari sehingga dapat menemui apa yang hilang jika yang hilang itu tidak bernilai bagi mereka.
- c. Dalam perumpamaan ketiga tentang anak yang hilang (*anda boleh suruh mereka rujuk kepada ayat 11-32 jika mereka tidak berapa mengenali perumpamaan ini*), Yesus memberitahu kita tentang seorang bapa yang rindu menanti dan menyambut dengan amat bersukacita, seorang anaknya yang telah menolak dan meninggalkannya serta menyakitinya.
- d. Pada pendapat anda, apakah yang ingin dikatakan oleh Yesus melalui perumpamaan-perumpamaan ini? (*Berilah mereka peluang menyatakan pendapat masing-masing*).
- e. Yesus cuba menegaskan kepada orang-orang Farisi dan guru-guru agama bahawa setiap orang bernilai di mata Tuhan. Setiap orang dikasihi-Nya.
- f. Dia merupakan Tuhan yang datang mencari kita. Dia begitu mengasihi kita sehingga Dia sanggup berusaha memenangi kita.
- g. Sebab itulah Alkitab mengatakan bahawa Tuhan adalah kasih. (*Suruh mereka bukakan Alkitab kepada 1 Yohanes 4:8-10*).
- h. Melalui Yesus, kita melihat kasih Tuhan dinyatakan dalam bentuk manusia. Dia meninggalkan kediaman-Nya di syurga, berpisah dengan Allah Bapa, melepaskan segala hak keilahian-Nya dan datang ke planet ini – menjalani hidup seperti kita dan akhirnya mati untuk kita – jika ini bukan bukti kasih sejati, apa lagi yang boleh dikatakan kasih sejati?!
- i. Walaupun kita sudah mati dalam dosa, langsung tidak layak menerima kasih Tuhan, Dia mengambil langkah pertama, datang mencari kita melalui Yesus Krsitus. Melalui Yesus Kristus, Dia memanggil kita kembali ke pangkuan-Nya.

2. Sebuah Kisah Cinta

- a. Setiap perumpamaan itu berakhir dengan sukacita serta sambutan riang-ria. Yesus mengatakan bahawa sukacita dan

sambutan kegembiraan bukan sahaja di bumi tetapi juga di syurga bila seseorang kembali berdamai dan menerima kasih Bapa terhadapnya.

- b. Sering kali kita tidak sedar betapa pentingnya kita kepada Tuhan. Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan bersukacita – melompat-lompat kegembiraan – dan merayakan kepulangan kita kepada-Nya. Adakah anda sedari bahawa Tuhan begitu mengasihi anda? *(Beri mereka masa untuk merenung hal ini).*
- c. Kasih Tuhan bukan sahaja mencari kita. Ia juga kasih yang bersukacita bila kita kembali ke pangkuan-Nya. Tuhan bersukacita kerana kepulangan kita mengenapi rencana-Nya untuk menyelamatkan kita sejak kejatuhan Adam dan Hawa. *(Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Markus 2:18-20. Suruh seorang bacakan).*
- d. Di sini Yesus sekali lagi menghuraikan suatu gambaran bersukacita dan sambutan riang ria di mana Dia merupakan pengantin lelaki. Dia mengkehendaki pengikut-pengikut-Nya bergembira dalam hadirat-Nya.
- e. Dalam Alkitab, kita membaca banyak kali Yesus makan dan minum bersama berbagai jenis orang. Mereka menjemput-Nya makan dan bersukacita bersama kerana Dia menerima dan mengasihi mereka.
- f. Sering kali kita berusaha begitu kuat dalam menjalani hidup saleh dan melakukan segala hal yang betul demi Tuhan sehingga kita lupa inti berita iman kita. Kita lupa bergembira dan menikmati kasih serta sukacita-Nya sebagai anak-anak-Nya yang tersayang.
- g. Kita terus berpendapat bahawa kita harus mengerjakan sesuatu supaya Dia menerima dan mengasihi kita.
- h. Tuhan amat mengasihi kita. Kita harus belajar membiarkan Dia mengasihi kita dan setiap hari belajar merayakan serta bersukacita atas kasih Allah sebagai Bapa kepada kita.
- i. Apa sahaja yang kita lakukan dalam hidup kita harus menjadi suatu respon kepada kasih-Nya yang mengagumkan. Itu sahaja yang dikehendaki-Nya daripada kita – mengasihi Dia kerana Dia-lah yang mula-mula mengasihi kita dan bersukacita dalam kasih-Nya kerana itulah keinginan hati Bapa yang penuh kasih dan sukacita.



Renungan Peribadi



Doa

Sesi 7: Tetap Berpaut Pada Yesus



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa Tuhan mengehendaki mereka tetap berpaut pada Yesus jika mereka bertambah erat dengan-Nya dan menghasilkan buah dalam hidup mereka.
2. Mengetahui bahawa berpaut pada Yesus juga bermakna mematuhi-Nya.
3. Menyedari bahawa mereka harus membenarkan Tuhan 'memangkas' mana-mana bahagian hidup mereka yang tidak berkenan pada-Nya.
4. Mengambil langkah-langkah tertentu supaya tetap berpaut pada Yesus dan membenarkan Tuhan 'memangkas' iaitu membetulkan bahagian-bahagian tertentu dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Digabung Bersama

Aktiviti ini bertujuan memberi kesedaran kepada para peserta bahawa bila mereka digabung secara fizikal, mereka harus bergerak bersama-sama jika mereka tidak mahu ikatan mereka terputus.

1. Alihkan semua kerusi ke tepi.
2. Suruh setiap orang mencari pasangan – lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Kemudian suruh mereka duduk di atas lantai, membelakangi satu sama lain.
3. Suruh mereka hubungkan lengan dan kemudian bangun, pastikan lengan mereka tetap tergabung.
4. Setelah setiap pasangan berjaya melakukannya, suruh mereka bergabung dengan pasangan lain. Kali ini empat lengan harus bergabung dan mereka berusaha bangun, dengan lengan saling terkait. Suruh mereka terus membesarkan lingkaran mereka sehingga mereka tidak dapat bangun lagi.
5. Anda boleh juga adakan pertandingan antara dua kumpulan. Setiap kumpulan hantar satu pasangan setiap kali. Kedua-dua pasangan ini akan bertanding untuk melihat siapa yang dapat bangun terlebih dahulu. Pasangan yang menang akan mendapat satu markah bagi kumpulannya.

Penjelasan

1. Bagaimana anda semua berjaya bangun dengan lengan anda

- bergabung? (Biar mereka memberi respon masing-masing).
2. Anda berdua berusaha menolak satu sama lain untuk bangun. Jika salah seorang membuat keputusan tidak mahu melakukan apa-apa dan mengharapkan yang seorang lagi mengusahakannya, kemungkinan besar anda berdua tidak dapat bangun langsung. Anda sudah ‘terikat’ dengan satu sama lain dan anda perlu bergerak bersama-sama.
 3. Tahukah anda bahawa Tuhan menggunakan gambaran yang sama untuk mencerminkan hubungan kita dengan Yesus. Kita juga ‘diikat’ bersama Yesus. Jadi, kita harus berusaha mengekalkan perhubungan itu dengan Dia jika kita mahu ikatan hubungan itu semakin kuat dan erat.



Aktiviti Bersama Lakonan “Ranting Yang Mau Dikecualikan”

- i. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
- ii. Suruh mereka baca Yohanes 15:1-11.
- iii. Berdasarkan bahagian itu, suruh mereka sediakan lakonan berjudul **“Ranting yang Mahu Dikecualikan”**. Ia boleh menceritakan tentang ranting yang memberontak, yang tidak mahu lagi menetap bersama pohon. Sementara itu, pohon pula cuba memujuknya supaya tetap berpaut padanya demi kebaikan diri ranting sendiri.
- iv. Suruh mereka libatkan semua orang – mungkin sebagai ranting-ranting lain, daun-daun atau buah-buahnya.
- v. Kemudian suruh setiap kumpulan lakonan drama masing-masing.

Ulasan Lakonan

- i. Sediakan ranting yang masih berdaun dan berbuah jika boleh.
 - ii. Suruh mereka jelaskan beberapa sebab yang diberikan dalam lakonan-lakonan tadi, mengapa ranting harus tetap berpaut pada pohon.
 - iii. Kemudian, ringkaskan seperti berikut dan di mana bahagian yang bersesuaian, gunakan ranting berdaun dan berbuah tadi sebagai ilustrasi.
1. Ranting adalah sebahagian daripada pohon. Ia menerima makanan dan sokongan daripada pohon. Jika ia meninggalkan pohon, ia akan layu dan mati kerana ia tidak dapat hidup bersendirian.
 2. Dengan sendirinya, ranting tidak dapat berbuah kerana ia memerlukan pohon untuk memberikannya makanan supaya ia dapat menghasilkan buah.

3. Yesus memberitahu kita bahawa kita umpama ranting-ranting. Dia adalah pohon. Kecuali kita tetap berpaut pada pohon, iaitu Yesus, kita tidak akan dapat terus bertahan. Jika kita mahu bertumbuh dalam hubungan kita dengan Tuhan dan menghasilkan buah, kita mesti tetap berpaut pada-Nya. Kita mesti terus menetap pada Yesus.
4. Sesi hari ini mengajar kita bagaimana kita harus bertumbuh dalam hubungan kita dengan Tuhan supaya kita dapat mengenali-Nya dengan lebih mendalam. Hubungan yang semakin erat dengan Tuhan dan hidup yang menghasilkan buah bergantung pada sama ada kita berpaut pada Yesus atau tidak.



Renungan Firman Tuhan

Ringkaskan Renungan Firman Tuhan seperti berikut:

1. Bagaimana anda terus menetap pada Yesus?

a. Dengan berpaut pada-Nya

- i. Suruh mereka kongsikan apa yang sudah mereka tulis tentang berpaut pada Yesus.
- ii. Menetap pada Yesus bererti berdampingan erat dengan-Nya, iaitu menjalinkan hubungan yang erat dengan Yesus; umpama menjadikan Yesus sahabat terbaik anda.
- iii. Jika anda mahu bertumbuh dalam hubungan anda dengan Tuhan, anda mesti mendampingi Yesus dengan erat. Yesus mengatakan bahawa jika anda mengenali-Nya, anda akan mengenali Bapa.
- iv. Bagaimana anda mendampingi Yesus dengan dekat? (*Biar mereka peluang berbincang*).

Caranya ialah dengan meluangkan masa mengenali-Nya dengan membaca Firman setiap hari; meluangkan masa untuk berbicara dengan-Nya – iaitu berdoa; dan meluangkan masa menyembah Dia.

- v) Satu bahagian penting dalam menetap pada Yesus melibatkan kita mematuhi-Nya. Jika anda mahu terus menetap pada Yesus, anda perlu belajar mematuhi apa yang dikatakan-Nya. Kepatuhan, menurut Yesus, adalah tanda sejauh mana kita mengasihi-Nya. Jika anda mengasihi Dia, Dia berjanji menyatakan Diri-Nya kepada anda. Baca Yohanes 14:21 kepada mereka.

b. Dengan mengizinkan Tuhan 'memangkas' Anda

- i. Tanya mereka apa yang dimaksudkan dengan mengizinkan

Tuhan ‘memangkas’ anda?

- ii. Mengizinkan Tuhan ‘memangkas’ anda bermakna mengizinkan Tuhan menghapuskan semua sikap dan sifat yang salah yang akan membantut pertumbuhan kehidupan Kristian anda.
- iii. Bila Tuhan menunjukkan kesalahan-kesalahan anda, atau perkara-perkara yang tidak berkenan kepada-Nya, anda mesti rela patuh dan berusaha membetulkan aspek-aspek itu. Dia akan memberi kekuatan supaya anda dapat berubah.
- iv. Bila anda mengizinkan Tuhan ‘memangkas’ anda, Dia akan menghasilkan buah dalam hidup anda – sifat-sifat dan sikap-sikap yang menyerupai Yesus dan berkenan kepada-Nya. Kehidupan saleh sebeginilah yang mempunyai daya tarikan bagi kawan-kawan dan ahli-ahli keluarga supaya turut mengenali Yesus.
- v. Tetapi jika anda tidak membenarkan Tuhan ‘memangkas’ anda, jika anda degil dan memberontak dan enggan mengakui bahawa anda perlu berubah, maka anda akan menjadi ranting yang layu dan akhirnya mati. Tidak akan ada ciri-ciri kesalehan dalam hidup anda dan tidak akan ada kesukaan, damai dan kasih.

2. Apa Yang akan Terjadi Bila Anda Tetap Berpaut pada Yesus

- i. Tanya mereka apakah hasilnya jika mereka tetap berpaut pada Yesus.
- ii. Anda akan menghasilkan banyak buah (ayat 5-8). Anda akan memiliki banyak ciri-ciri kehidupan benar dan saleh yang berkenan kepada Tuhan. Anda akan memuliakan-Nya dan orang-orang di sekelilingi anda akan menyedari bahawa anda adalah murid Yesus.
- iii. Tuhan akan menjawab doa-doa anda – kerana semakin anda mengenali-Nya, anda akan mendoakan apa yang berkenan dengan kehendak-Nya. Tuhan mengatakan bahawa Dia berkenan mengabulkan permintaan anda (ayat 7).
- iv. Anda akan tetap dalam kasih Yesus dan menikmati kesukaan-Nya yang sepenuhnya.



Renungan Peribadi

1. Galakkan mereka untuk menyelesaikan Renungan Peribadi.

2. *Apabila selesai, suruh mereka semua berdiri. Bacakan kepada mereka Yohanes 14:21.*
Barangsiapa memegang perintah-Ku dan melakukannya, dialah yang mengasihi Aku. Dan barangsiapa mengasihi Aku, ia akan dikasihi oleh Bapa-Ku dan Akupun akan mengasihi dia dan akan menyatakan diri-Ku kepadanya.
3. Suruh mereka membuat respon dengan mengatakan, “Amin”.
4. Kemudian akhiri dengan mendoakan mereka.



Idea Tambahan

1. Mungkin anda boleh menyediakan sebakul buah-buahan bagi para peserta untuk dijamukan di akhir sesi.
2. Dapatkan seberapa banyak jenis buah yang anda mampu. Ini boleh menjadi peringatan secara visual bahawa Tuhan dapat menghasilkan berbagai-bagai jenis buah dalam hidup mereka sambil mengeratkan persekutuan antara satu sama lain serta menikmati berkat Tuhan.



Doa

(Lihat Lembar kerja Peserta)

Sesi 8: Jadilah Murid Kristus



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa tidak ada peraturan atau kelayakan khas yang diperlukan untuk menjadi murid Yesus.
2. Menyedari bahawa semua orang Kristian yang sudah mempersilakan Yesus menjadi Penyelamat mereka dan membuat komitmen menjalin perhubungan dengan-Nya digelar sebagai murid-murid Yesus.
3. Membuat penilaian dan mengambil langkah-langkah pasti untuk mempererat lagi perhubungan mereka dengan Yesus.



Aktiviti Bersama Kotak Peristiwa Kehidupan

1. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan para peserta berkongsi tentang diri mereka.
2. Berikan mereka masa 5-8 minit untuk melukiskan satu (atau beberapa) peristiwa penting yang terjadi di dalam setiap peringkat kehidupan mereka.
3. Anda juga boleh menggunakan variasi lain seperti:

Kehidupan saya 10 tahun lalu	Kehidupan saya 5 tahun lalu
Kehidupan saya sekarang	Kehidupan saya di masa hadapan



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan (Perlu disediakan kad dengan huraian tentang 'murid')

1. Sediakan istilah-istilah berikut bersama-sama huraianya di atas sekeping kad:

Murid	Yesus Kristus
Pengikut	Patuh
Keduabelas	Kristian
2. Minta seorang menghuraikan ini kepada seluruh kumpulan. Beri mereka masa 30 saat untuk membuat tekaan.

3. Apakah ertinya menjadi murid Yesus? (*Biar mereka membuat respon*).
4. Adakah anda menjadi murid Yesus secara automatik jika anda seorang Kristian? Atau seorang murid merupakan seorang Kristian yang khas? (*Biar mereka membuat respon*).
5. Dalam sesi ini, anda akan mengetahui apa yang dimaksudkan dengan menjadi murid Yesus dan bagaimana anda harus hidup sebagai murid-Nya.

B. Siapakah Murid Yang Sebenar?

Acara Temu Bual: Cara Hidup Orang-orang Terkenal

- i. Buat salinan skrip *Acara Temu Bual: Cara Hidup Orang-orang Terkenal*. Pilih beberapa orang untuk mengambil bahagian dan edarkan kepada mereka skrip tersebut.
 - ii. Aturkan tiga meja dan kerusi di hadapan, menghadap ahli-ahli kumpulan yang lain.
 - iii. Suruh mereka yang mengambil bahagian tampil ke depan dan mengambil tempat masing-masing. Jika mahu lebih dramatik, suruh mereka hiaskan diri sedikit – (menurut kreativiti masing-masing).
 - iv. Jelaskan kepada yang lain bahawa anda adalah Pengacara Acara Temu Bual, *Cara Hidup Orang-orang Terkenal*. Dalam acara ini, anda telah menjemput beberapa orang-orang terkenal untuk memperkenalkan diri mereka serta menceritakan apakah kehebatan masing-masing. Hari ini, anda telah menjemput beberapa personaliti terkenal dalam Alkitab untuk menceritakan serba sedikit hidup mereka sebagai murid-murid Yesus.
 - v. Selepas acara itu, ringkaskan seperti berikut:
1. Dengan ringkas, Alkitab memberitahu kita bahawa menjadi seorang Kristian ialah menjadi murid Yesus – tiada peraturan atau kelayakan. Selagi anda seorang Kristian, secara otomatik anda menjadi murid Yesus – tidak ada tempoh penantian sehingga anda bertumbuh dalam kerohanian anda terlebih dahulu.
 2. Jadi, untuk benar-benar mengerti apa yang dimaksudkan dengan menjadi murid Yesus, kita mesti terlebih dahulu memahami, "Apakah atau siapakah orang Kristian?" Suruh seseorang membaca Markus 1:14-20 dan kemudian minta mereka memberikan respon.
 3. Seorang Kristian merupakan seseorang yang sudah bertaubat daripada dosa-dosanya, memohon Yesus hadir dalam hidupnya sebagai Penyelamat dan sudah membuat komitmen untuk mengikuti Yesus.

4. Di sini, kita bukan memperkatakan tentang agama atau menjadi ahli gereja atau kumpulan belia. Menjadi seorang Kristian ialah menjadi seseorang yang sudah berkomitmen kepada Yesus Kristus dan bertekad mahu mengikut-Nya.
5. Jadi, jika anda sudah membuat komitmen kepada Yesus, anda adalah seorang Kristian. Jika anda seorang Kristian, anda adalah juga murid Yesus.

C. Marilah Kita Jelaskan

1. Sekali lagi, marilah kita tafsirkan dengan jelas apakah ertinya menjadi murid Yesus. Murid Yesus merupakan seseorang yang menjalinkan perhubungan dengan Yesus Kristus dan sudah membuat komitmen mengikut-Nya.
2. Anda tidak layak menjadi murid semata-mata kerana anda setia menghadiri gereja atau kumpulan belia; atau anda cuba mematuhi semua 10 Hukum; atau anda memberi 10% peratus wang saku anda. Semua yang dikatakan tadi cuma bererti kita beragama.
3. Menjadi murid bererti kita berkomitmen mengikut Yesus Kristus, Anak Allah, dan menjalin perhubungan dengan-Nya. Apa pula yang dimaksudkan dengan menjalin perhubungan dengan Yesus?
4. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Yohanes 15:1-5. Biar mereka memberi respon masing-masing.
5. Gambaran yang diberikan oleh Yesus ialah ranting yang menetap pada pohon atau batang pokok. Kedua-dua ranting dan pohon amat 'erat' kerana kedua-duanya bergabung bersama. Ranting harus bergabung dengan pohon – jika tidak, ia tidak akan bertahan atau menghasilkan buah. Pohon akan menyediakan sumber makanan dan air baginya untuk terus bertumbuh dan menghasilkan buah.
6. Jadi, menjadi murid bererti anda membuat komitmen akan menetap dalam Yesus dan mematuhi-Nya. Kemudian, Dia akan menghasilkan ciri-ciri-Nya dalam hidup anda – anda akan menyerupai-Nya.
7. Minta mereka mengulangi kata-kata berikut: Menjadi murid bererti saya membuat komitmen menetap dalam Yesus dan mematuhi Dia supaya Dia akan menjadikan saya semakin hari semakin menyerupai-Nya.



Renungan Peribadi

A. Sesi Bersembang

1. Suruh mereka tetap dalam kumpulan masing-masing. Minta mereka berkongsi antara satu sama lain sama ada mereka sudah menjemput Yesus Kristus untuk hadir dalam hidup mereka

masing-masing. Jika sudah, minta mereka kongsiikan mengapa mereka berbuat demikian dan tanya sama ada mereka sudah membuat komitmen untuk mengikut-Nya.

2. Beritahu mereka yang masih belum menjemput Yesus ke dalam hidup mereka supaya berfikir masak-masak tentang keputusan ini. Jika mereka memerlukan sebarang penjelasan, mereka boleh datang dan bersembang dengan anda.

B. Lembar Kerja: Senarai Pemeriksaan Diri

1. Suruh mereka keluarkan lembar kerja *Pemeriksaan Diri*.
2. Baca bersama mereka dan jelaskan apa yang harus mereka lakukan.
3. Bila mereka selesai, minta mereka kongsiikan dalam kumpulan kecil masing-masing apa yang mereka tulis tentang kedudukan mereka sekarang sebagai murid Yesus dan apakah langkah-langkah yang akan mereka ambil untuk mempereratkan lagi perhubungan mereka dengan Yesus.
4. Kemudian, biarlah mereka ambil giliran untuk mendoakan satu sama lain dalam kumpulan masing-masing.



Aktiviti Tambahan

Acara Temu Bual: Cara Hidup Orang-orang Terkenal

Pilih dua orang lelaki dan seorang perempuan untuk mengambil bahagian. Anda sendiri akan mengambil watak Pengaraca.

Pengacara: Selamat (pagi/petang) kepada semua penonton-penonton sekalian. Selamat Datang kepada *Acara Temu Bual: Cara Hidup Orang-orang Terkenal*. Ramai di antara anda telah menulis kepada kami meminta agar diadakan sesi temu bual dengan watak-watak Alkitab. Jadi, hari ini, kami telah menjemput tiga orang terkenal dari Tanah Israel. Biar saya perkenalkan – Yusuf dari Arimatea, Tabita yang juga dikenali sebagai Dorcas dari Joppa dan tak lain tak bukan Saul dari Tarsus yang terkenal sebagai Rasul Paulus.

(Personaliti jemputan ini berikan salam masing-masing dengan cara melambaikan tangan)

Pengacara: Anda semua dikaitkan kepada seorang watak yang sungguh masyhur dalam Alkitab iaitu Yesus Kristus. Jika tak salah, Alkitab mengatakan anda semua adalah murid-murid-Nya.

Para penonton kami mahu tahu bagaimanakah anda menjadi murid-Nya? Adakah anda perlu menjadi ahli kelab atau anda perlu berdoa tiga kali sehari atau sebarang syarat lain? Yusuf, sudikah anda berkongsi dengan kami terlebih dahulu?

Yusuf: Tidak, kita langsung tidak perlu melakukan itu semua! Ramai di antara anda tahu bahawa saya kaya raya – ingatkah anda tentang kubur besar yang saya miliki? Mahal sekali membelinya! Tetapi saya rasa Yesus tidak akan membenarkan saya menjadi murid-Nya sekalipun saya memberikan Dia semua harta saya. Kita tidak menjadi murid-Nya dengan menawarkan kepada Yesus miliki kita ataupun menjadi matang secara rohani. Jika anda mempunyai Alkitab, buka kepada Yohanes 19:38. *(Tunggu sehingga semua sudah mendapat bahagian Alkitab itu barulah bacakan ayatnya.)* Anda dapat baca sendiri bagaimana Akitab menghuraikan siapa saya – seorang penakut, takut orang lain akan tahu bahawa saya adalah murid-Nya. Demikianlah keadaan saya ketika itu – tak matang langsung!

Pengacara: Ah, itu merupakan sesuatu yang amat menarik! Apa yang Saudara Yusuf katakan ialah kita tidak perlu mencapai kematangan rohani atau menawarkan sesuatu pun kepada Yesus untuk menjadi murid-Nya? Sekarang, mari kita dengar apa yang dikatakan oleh Dorcas. *(Alihkan pandangan kepada Dorcas)*. Dorcas, anda dikenali sebagai seorang yang murah hati kepada mereka yang miskin, bukan? Bolehkah anda ceritakan pengalaman anda?

Dorcas: Sebenarnya, tidak ada apa-apa yang istimewa tentang diri saya atau janda-janda lain yang turut menjadi murid Yesus. Apa kata kita bukakan Alkitab kepada Kisah Para Rasul-rasul 9:36-39? *(Tunggu sehingga mereka mendapat bahagian itu barulah bacakan)*. Kami semua orang biasa-biasa sahaja. Sebenarnya, ramai di antara kami agak miskin. Anda tidak perlu menjadi jenis Kristian khas untuk digelar murid Yesus.

Pengacara: Terima kasih, Dorcas. *(Alihkan pandangan kepada Paulus)*. Paulus, semua orang tahu bahawa anda pakar dalam hal-hal Alkitab. Apa kata anda berikan pendapat anda?

Paulus: Otoriti yang sebenar ialah Alkitab sendiri, bukan kepakaran saya. Sila buka kepada Kisah Para Rasul-rasul 11:25-26... *(Tunggu sehingga mereka mendapat bahagian itu barulah bacakan)*. Sekarang, bolehkah anda jawab beberapa soalan

berikut:

Berapa ramai murid-murid yang digelar Kristian?

(Biar para penonton memberi respon)

Berapa ramai Kristian yang digelar murid?

(Biar para penonton memberi respon)

Jika jawapan anda kepada kedua-dua soalan ini ialah “Ya”, maka anda tepat sekali. Semua orang Kristian adalah murid. Ya, begitu mudah sekali.

Pengacara: Wah! Memang mudah dan ringkas. Bagaimana dengan para penonton sekalian? Adakah soalan anda terjawab? Setiap orang tetamu kami hari ini mengatakan bahawa semua orang Kristian adalah murid Yesus. Anda tidak perlu menjadi jenis Kristian yang istimewa, mencapai kematangan rohani terlebih dahulu atau membayar yuran menjadi ahli barulah anda layak menjadi murid Yesus.

(Alihkan pandangan kepada tetamu) Saya mesti mengucapkan terima kasih kepada Yusuf, Paulus dan Dorcas kerana sudi datang mengongsikan pengalaman anda bersama kita semua. Kami amat gembira kerana dapat mengenal anda dengan lebih dekat lagi.

(Alihkan pandangan kepada para penonton) Para penonton, sampai di sini sahaja kesempatan kami bersama anda. Bagi pihak *Acara Temu Bual: Cara Hidup Orang-orang Terkenal*, saya mengucapkan terima kasih dan selamat berjumpa kembali dalam acara temu bual kami di hari dan masa yang sama minggu hadapan!

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang keempat belas, **"Bersemuka Dengan Kristus Yesus"** ini bertujuan membantu para belia mengenali Yesus sekali lagi, baik dari segi kemanusiaan-Nya mahupun keilahian-Nya. Jangan hairan kalau ramai di antara kita telah membenarkan pengalaman-pengalaman dengan Yesus dan pemahaman kita tentang-Nya menjadi pudar. Oleh sebab itu, kita perlu kembali dan mengkaji Berita Baik. Kita perlu mengeratkan hubungan kita dengan Yesus – mempelajari sesuatu yang baru atau mengkaji semula kebenaran-kebenaran tentang Yesus agar kita terus menerus mengizinkan Dia mengubah hidup kita. Inilah kehidupan Kristian yang sepatutnya – diubah supaya semakin menyerupai Kristus sehinggalah kita berkeyakinan apabila bersemuka dengan-Nya di akhirat kelak.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Remaja dan Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Pr. Daniel Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)